

KARPAL DAN MAT SABU

Chedet.co.cc

September 3, 2011

By Dr. Mahathir Mohamad

1. Akhbar melaporkan sesuatu yang pelik.
2. Sementara Mat Sabu memuji pengganas komunis, Karpal Singh pula mencuit perasaan Mat Sabu dan mempertahankan peranan yang dimainkan oleh anggota polis dan pasukan keselamatan Malaysia yang lain dalam menyelamatkan negara daripada pengganas.
3. Sungguh aneh sikap Karpal. Tetapi sebenarnya Karpal sebagai ahli politik amat cekap dan sedar akan kemarahan anggota keselamatan terhadap kenyataan Mat Sabu yang boleh mengurangkan sokongan mereka kepada Pakatan.
4. Sebab itu ia dengan pantas membuat kenyataan untuk mengurangkan kemarahan terhadap Mat Sabu dan seterusnya menyelamatkan Pakatan sedikit sebanyak.
5. Sesungguhnya di masa lampau terdapat satu usaha dikalangan pemimpin Pas untuk mempertahankan pengganas komunis. Sebabnya ialah kerana ingin mengurangkan rasa terhutang budi kepada pemimpin Umno dahulu yang telah dapat membatalkan rancangan Malayan Union British, menewaskan pengganas komunis dan memerdekakan negara.
6. Terdapat dikalangan murid sekolah yang diajar oleh entah siapa supaya berkata Tunku Abdul Rahman adalah pemimpin negara yang terburuk sekali.
7. Anwar Ibrahim pula pernah berjanji apabila sahaja ia menjadi Perdana Menteri ia akan benarkan Chin Peng kembali semula ke Malaysia.

8. Pas sekarang sudah gugur matlamat perjuangannya untuk menjadikan Malaysia negara Islam. Juga digugur ialah hasrat Pas untuk melaksanakan hukum hudud. Bersama dengan pembersihan pengganas komunis, Pas berharap kepercayaan DAP kepadanya akan memberi kemenangan kepada Pas apabila melawan Umno dalam PRU 13.

9. Aliran ini tidak sihat bagi Pakatan. Sedikit sebanyak sokongan rakyat, terutama dikalangan anggota pasukan keselamatan dan keluarga mereka akan terhakis. Saya percaya pemimpin yang lebih berpengalaman diantara mereka seperti Karpal Singh akan cuba mengurangkan kelancaran ke arah pembersihan komunis Malaysia untuk tidak terlalu memburukkan persepsi rakyat, khususnya mereka yang telah berkorban untuk menyelamatkan negara ini.

10. Walau apapun pendirian pemimpin Pas tidak akan menjejaskan kesetiaan pengikut mereka kerana fanatisme mereka tetapi janganlah pula orang lain juga membutakan mata akan kesanggupan Pas dan sudah tentu PKR, untuk menidakkan apa sahaja sumbangan pemimpin UMNO dahulu demi mendapat sokongan DAP dan orang Cina khususnya.

11. Pas sekarang tidak lagi Pas Ustaz Zulkifli, Burhanuddin Al-Helmi, Asri Muda. Pas sekarang sanggup membelakangkan Islam pun kerana gila kuasa dan Putrajaya. Na'uzubillah.

126 Comments

1.

syahbirin's Gravatar syahbirin

September 27, 2011 at 1:41 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun sekeluarga serta sahabat2 dan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Perkara yang saya nak tegaskan adalah :

1. TUN...teruskan perjuangan membimbing dan membantu pemimpin sedia ada dan akan datang (semoga TUN sihat dan panjang umur) dalam memajukan negara dalam landasan yang betul dan tepat.

2. Bagi yang fanatik dalam berpolitik, jangan gadaikan negara demi politik kepartian / individu / puak.

3. MALAYSIA hanya SATU dan tidak boleh ditukar ganti walau pemimpin (kerajaan / pembangkang silih berganti). Oleh itu, bila bicara soal negara, jangan berpecah.

4. Sokonglah apa yang benar dilaksanakan oleh pemimpin negara kini termasuk YAB Dato Seri Najib. Jangan nafikan apa yang baik yang dilaksanakan oleh kepimpinan Beliau.

5. Rakyat bukan tidak suka UMNO dan sebenarnya jauh sekali suka PR. Namun, rakyat BENCI dan Meluat dengan sesetengah pemimpin yang tidak ikhlas memperjuangkan nasib rakyat. Oleh itu, buka mata...lebih baik berundur dan beri pada yg benar2 ikhlas demi kelansungan parti sekarang.

6. Jangan persoalkan hak istimewa agama Islam sebagai Agama Rasmi Persekutuan, Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan Kaum Melayu serta Bumiputera Sabah & Sarawak.

7. Semoga kita terus bersatu dan maju.

2.

ROZALI BIN AYED's Gravatar ROZALI BIN AYED

September 26, 2011 at 5:40 pm | Permalink

Salam hormat Y.A. Bhg Tun,

Pilihanraya umum ke 13 mungkin akan diadakan dalam tempoh masa terdekat ini, jika perlu setelah dinilai mungkin banyak memberi petunjuk kepada kemenangan UMNO/Barisan Nasional yang lebih baik dari PRU 12. Walau apapun Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak selaku peneraju utama UMNO/Barisan Nasional akan menentukan tarikh sebenar PRU 13 nanti. Kita hanya boleh membuat jangkakan dan andaian sahaja.

Melihat kepada perkembangan politik semasa berasaskan kepada kecelaruan-kecelaruan politik yang ditimbulkan oleh kalangan pemimpin kanan pakatan rakyat khususnya Pas dan PKR banyak memberi political mileage kepada UMNO dan Barisan Nasional. Pas dengan politik hentam keromo dengan mengemukakan isu-isu yang lari daripada fakta sebenar dalam menambat hati rakyat umum khususnya orang melayu Islam. Manakala PKR pula masih lagi berhempas pulas dengan masalah peribadi penasihatnya yang belum selesai. Mana mungkin Dato' Seri Anwar Ibrahim boleh terus diangkat menjadi ketua pembangkang di Parlimen secara berkesan dan aktif dengan dibelenggu masalah moral dan peribadi yang masih belum selesai.

Pakatan Pembangkang kelihatan gelisah seperti cacing kepanasan lebih-lebih lagi Pas dan PKR. Inilah akibatnya jika niat untuk mengambil alih kuasa berpaksikan kepada niat yang tidak jujur dan ikhlas. Apa juga kebaikan negara dan rakyat yang selama ini dinikmati bersama oleh pakatan pembangkang cuba dinafikan seratus peratus oleh kepimpinan pakatan pembangkang. Berpijaklah di bumi nyata, fakta kebenaran tidak boleh dinafikan begitu sahaja atas kerakusan mahu mengambil alih kuasa. Majoriti rakyat Malaysia sudah terdidik dan berpindikan tinggi melalui sistem pendidikan yang diusahakan oleh UMNO/Barisan Nasional. Dengan asas pendidikan yang baik majoriti rakyat Malaysia tidak lagi mudah tertipu dan terkeliru oleh retorik politik karut marut pemimpin pembangkang.

Segala bentuk media digunakan sepenuhnya dalam kempen politik kepada rakyat digunakan oleh pakatan pembangkang, dengan menabur

fitnah, menyongsangkan fakta sebenar bagi menarik hati rakyat untuk menyokong perjuangan politik mereka. Pihak manakah yang menyediakan segala macam ruang media yang ada di Malaysia jika bukan kerajaan Barisan Nasional. Pakatan Pembangkang sepatutnya merasa malu menggunakan segala kemudahan termasuk media yang disediakan oleh kerajaan Barisan Nasional, dan menghentam keromo usaha murni kerajaan Barisan Nasional.

Bagi golongan muda yang bakal mengambil alih kepimpinan negara Malaysia khususnya kepada golongan yang berpendidikan tinggi dan mendapat pembiayaan penuh kerajaan Barisan Nasional janganlah mudah terpengaruh kepada pandangan serong pakatan pembangkang dan hanya bergantung kepada maklumat-maklumat melalui media oleh pembangkang. Sebagai golongan terpelajar berusaha mencari atau mendapatkan fakta sebenar segala isu yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Ciri-ciri orang berilmu tidak mudah terpengaruh dengan segala maklumat yang diterima.

Sekian, terima kasih.

3.

ROZALI BIN AYED's Gravatar ROZALI BIN AYED

September 26, 2011 at 11:33 am | Permalink

Assalamualaikum w.b.t. Y.A. Bhg Tun,

Izinkan saya mengambil kesempatan dalam ruang ini mengemukakan serba sedikit komen tentang cabaran Tun terhadap isu Hukum Hudud yang dibangkitkan semula oleh Pas (Tuan Guru Datuk Nik Aziz Nik Mat) melalui media. Tun mencabar Pas supaya meneruskan usaha mewujudkan hukum Hudud khususnya di Kelantan dibawah tadbir urus Pakatan Rakyat khususnya Pas dimana semasa Tun menjadi Perdana Menteri ke 4, Pas mendakwa Tun sebagai penghalang kepada hasrat Pas untuk merialasikan

Hukum Hudud. Sekarang Tun tidak lagi menjadi Perdana Menteri dan jika benar Tun sebagai penghalang hasrat Pas untuk mewujudkan Hukum Hudud, kenapa selepas Tun meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Pas mengubah perinsip perjuangan setelah bergabung dengan DAP dan PKR melalui buku jingga yang diuwar-uwarkan dan Pas mengubah kepada prinsip negara berkeadilan atas kesepakatan hala tuju perjuangan Pakatan Rakyat dan tidak lagi fokus kepada Hukum Hudud dan menegakkan negara Islam dan mendakwa bahawa konsep menegakkan negara Islam tiada terdapat dalam Alquran.

Dengan tiba-tiba isu Hukum Hudud ditimbulkan semula oleh kepimpinan Pas (Datuk Nik Aziz Nik Mat) dan mendapat komen sinis atau pedas daripada kepimpinan DAP (YB Karpal Singh dan YB Lim Guan Eng). Inilah corak perjuangan Pas yang tidak pernah berpegang kuat kepada perinsip perjuangan asas, tidak seperti DAP yang begitu konsisten pada setiap ketika dan suasana berpegang pada perinsip perjuangan asas mereka diantaranya menentang kewujudan negara Islam di Malaysia. Setelah menyedari sokongan kepada Pas sudah mula merosot khususnya dari kalangan penyokong orang Melayu Islam ekoran dari perjuangan yang tidak berperinsip, Pas membangkitkan semula hasrat untuk mewujudkan Hukum Hudud ia itu cerita lama yang kepimpinannya sendiri secara sedar atau tidak telah mengengapikannya sebaik saja bergabung dengan DAP dan PKR. Timbalan Presiden Pas (yang digelar Mat Sabu) pula dalam usaha meningkatkan imej diri dan mengharapkan sokongan bertambah dari rakan kongsi politik khususnya DAP telah membangkitkan isu pasukan komunis yang menyerang Balai Polis Bulit Kepung di muar Johor dalam tahun 1950 dan mengangkat Mat Indera sebagai pejuang kemerdekaan sebenar bagi Malaya bukannya pasukan keselamatan (Polis) yang mempertahankan Balai Polis Bulit Kepung berkenaan. Ekoran isu sedemikian ramai pihak khususnya bekas-bekas pasukan keselamatan dan lain-lain pihak (individu dan NGO) merasa amat tersinggung dan terguris hati. Lebih dari seribu laporan dibuat oleh berbagai pihak kepada pihak berkuasa Polis mohon untuk diambil tindakan terhadap Mat Sabu melalui proses undang-undang negara sedia ada. Alhamdulillah Mat Sabu telah didakwa di Mahkamah, dan kita sama-sama tunggu keputusan yang akan ditentukan oleh Mahkamah nanti.

Sebagai penganut Islam kita tidak boleh menolak Hukum Hudud kerana ianya bukan sesuatu Hukum Ciptaan manusia, ianya adalah suatu cabang Hukum Allah S.W.T. Cuma tunggulah masa yang bersesuaian, insyaallah ianya dapat dilaksanakan. Negara Malaysia adalah negara yang dihuni oleh masyarakat majmuk yang terdiri dari berbagai bangsa, anutan agama dan budaya. Hukum Hudud amat perlu difahami sebenarnya oleh semua golongan rakyat Malaysia, dan proses memberi kefahaman kepada semua rakyat memerlukan suatu masa dan pengorbanan yang berpanjangan. Bagi kerajaan Malaysia yang ditadbir oleh Barisan Nasional usaha kearah memberi kefahaman terhadap nilai-nilai murni syariat Islam telahpun berjalan, diantaranya bilamana Tun sendiri telah melancarkan dalam tadbir urus kerajaan yang bercirikan bersih, cekap dan amanah dan lain-lain lagi. Usaha sedemikian telah banyak memberi kefahaman yang baik kepada rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam dan mereka sama-sama menghayatinya.

Sahabat dan rakan-rakan seagama dalam Pas, bukalah minda dan daya fikir anda yang berteraskan sesungguhnya kepada hukum Allah S.W.T. dan bukan atas prinsip gila kuasa atau mendapatkan kuasa memerintah melalui gabungan dengan DAP yang jelas menentang Islam (Hukum Hudud dan pembentukan negara Islam di Malaysia) dan juga PKR yang diterajui oleh kepimpinan yang hanya berteraskan kepada perjuangan individu yang begitu rakus mahu jadi pemimpin nombor satu negara tanpa berpegang kepada perinsip-perinsip perjuangan Islam dan budaya bangsa dan negara Malaysia.

Pas tak perlulah bermain dengan retorik politik yang mungkin jauh dari perinsip kepimpinan Islam sebenar jika sekiranya Pas mendakwa bahawa prinsip perjuangan mereka adalah benar-benar berteraskan kepada Islam. Soal pokok inilah yang banyak menjadi tanda-tanya dan mengelirukan banyak pihak terhadap perjuangan sebenar parti Pas. Bagi UMNO yang dituduh oleh kepimpinan Pas menolak Islam, secara konsisten sejak berkuasa lebih dari lima puluh tahun yang lalu berusaha tanpa henti memartabatkan Islam di Malaysia, dan usaha-usaha sedemikian telah benar-benar menampilkan hasil yang positif sehinggakan Malaysia terkenal diantara yang terbaik sebagai negara Islam di dunia. UMNO tidak pernah

mendapat tentangan dari gabungan parti-parti politik dalam Perikatan dan kini Barisan Nasional dalam usahanya memartabatkan Islam di Malaysia. Inilah konsep penggabungan kuasa dalam Barisan Nasional yang gagal disaingi oleh Pakatan Rakyat. Ugama lain terus berkembang biak di negara Malaysia atas sikap toleransi kaum yang amat tinggi nilainya dalam kepimpinan Barisan Nasional. Marilah sama-sama kita renungkan demi masa depan Malaysia yang tercinta, dan memilih kerajaan yang telah benar-benar terbukti berjaya dengan amat cemerlang menentukan arah tuju negara Malaysia dan kepentingan semua rakyatnya terjamin.

Sekian, terima kasih dan Wassalam Tun.

4.

dr zatiel's Gravatar dr zatiel

September 25, 2011 at 2:02 am | Permalink

salam Tun.

semoga sihat selalu.

ini sekadar luahan hati saya:

nampaknya isu Mat Sabu memang hangat sekarang. ramai yang tak percaya kenapa dia boleh cakap macam tu.

saya hairan, kenapa banyak orang melayu suka bergaduh sesama sendiri? suka berpecah belah? suka melihat kesusahan orang lain? adakah ini penyakit herediter bagi orang Melayu?

bagi saya, orang macam ni kurang pengetahuan, kurang ke luar negara, kurang membaca dan kurang memerhati.

tahukan wahai orang yang suka berpecah belah dan mencetus perpecahan bahawa, kita di Malaysia sangat aman makmur dan mewah. kita akan tahu bahawa kita sangat beruntung menjadi rakyat Malaysia.

orang yang suka berpecah belah ni dah bosan ke tinggal di negara yang aman? dah bosan hidup ke arah kemajuan? dah rasa nak berperang balik? nak rasa dijajah balik? nak rasa hidup di negara mundur?

kalau tak nak, sila jaga kedamaian kita. nak berpolitik jangan terlalu taksab. harta dan pangkat tak boleh bawa masuk dalam kubur.

fikir sebelum bertindak. jangan ikut dan percaya membabi buta.

SAYANGILAH MALAYSIA KITA YANG AMAN MAKMUR NI. JAGALAH APA YANG KITA ADA

itu saja permintaan saya, sebagai orang yang suka memerhati.
terima kasih

-Dr Zatiel Ismail

5.

Azhar Daeng's Gravatar Azhar Daeng

September 22, 2011 at 4:50 pm | Permalink

Salam YM Ayahanda Tun Mahathir

semoga ayahanda tun beroleh kesihatan dan rahmat Allah swt

adapun mat sabu adalah tergolong dalam rangkaian kumpulan politik munafik nyata, hakikat nya mat sabu sekarang desperado, dia telah

mengadai maruah bangsa kita hanya untuk kuasa, dia cuba putar alam seantero nusantara melayu ini dengan dongengan untuk menjadi dia hero bagi kaum cina, semua ini adalah pesona@lara dunia@sandiwara wayang kulit kerana esok lusa hampir pilihanraya

6.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 19, 2011 at 11:44 pm | Permalink

Tuan Guru Dr Mahathir yg di rahmati ALLAH,

Dengan izin :

- Satu FITNAH BARU telah dibuat oleh PAS:

- Apabila YAB Dato' Seri Najib, UMNO/BN telah mendapat sokongan padu dari rakyat, maka:

- PAS buat fitnah "UMNO/BN cari sumbangan di masjid untuk hari terbuka 1 Malaysia

- MasyaAllah betul ke?

7.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 19, 2011 at 11:37 pm | Permalink

Tuan Guru Dr Mahathir yg di rahmati ALLAH,

Dengan izin:

1. UMNO/BN semakin mendapat sokongan.

2. Nik ajis cuba menyekat dgn membangkitkan isu lama "Mewujudkan Hudud di Kelantan"

3. Nik ajis ni..... semakin rosak lah dia, Nik ajis dengan Penzina Negara pun tidak mampu berkata apa2, ni kan pulak nak buat Hudud.

4. Kemudian bila tidak boleh/mampu buat dia akan kata, dia akan tuduh dan dia akan fitnah UMNO macam-macam.

5. Nik ajis ni makan diri sendiri sebenarnya

8.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 19, 2011 at 11:22 pm | Permalink

Assalamu'alaikum wr wb

Tuan Guru Dr Mahathir yang di Rahmati ALLAH,

Apa yang TGDrM katakan semua itu, amat menyedarkan ramai orang betapa buruknya Mat Sabo dan Karpal.

Dengan izin:

Wahai warga Msia yang ber'akal lagi bermaruah dikalangan bukan ahli PAS, marilah kita semua mengajak yang lain supaya 'SELAMATKAN MALAYSIA DARI PAS' yang dipimpin dan terdiri dari orang yang:

- Gedebe
- Ular Dalam Semak
- Samseng
- Putar Alam
- Pembohong
- Penyekat Rezeki Rakyat (Haramkan Utusan?)
- Penyekat Kemajuan Bangsa
- Mengguris hati semua orang Melayu
- Mengecewakan hati semua orang Islam

9.

Mr scheduler's Gravatar Mr scheduler

September 18, 2011 at 9:04 pm | [Permalink](#)

To "akulah 69" I guess u never read the history book wisely....on that day we're in progress to reach the deal of freedom....next time pls do understand first before you drop your comments here.....if the communism is the best practice then now u tell me why south Korea never accept this kind of practice?sometimes is hard for dumber to think nicely....what the shame

10.

Gopal Raj Kumar's Gravatar Gopal Raj Kumar

September 18, 2011 at 1:38 pm | [Permalink](#)

My command of Bahasa is weak and would not justify my response to this particular article on Mat Sabu in my weak Bahasa. I do hope you will forgive me on that score and allow my response on this very topical subject in English.

History has to be looked at in context. It is about the past and no one has a monopoly on either history or the truth. If Mat Sabu has a version of his history that is uniquely skewed to his personal perspectives, then to contradict his version requires the best evidence available and not emotion, political rhetoric or an equally skewed anti UMNO tirade.

One must remember that Mat Sabu lived those particular events of history, which Karpal and others who support or disagree with his version did not. At least not to the extent he did.

Others like the Nut Graph who preach and demand greater "freedoms and democracy" are not ashamed to either censor or forever keep comments they disagree with in Limbo, to be moderated then eventually cancelled. They express their ideals in much the same way Mat Sabu's colleagues did then during the emergency. "What I say is an absolute right, what you say has to be subject to my right"

They the Nutgraph too put up a strong thought unconvincing argument for Mat Sabu and his misguided Maoist allies.

There is a rebirth of the idea that Malaysia is part of what Mao once called Nanyang (the south seas territorial areas of greater China) and Malaysia's opposition dominated by the Chinese are aggressively advancing that theory with these so called alternative publications.

The fact remains that if the popular version of history (the history of the victor) is to be accepted, it must also then be swallowed with the thorny truths that come with it.

The Chinese for instance were and remain incontrovertibly a domineering culture that sought to swamp the Malayan peninsula with their large illegal immigrant population. Along with these they imported their domestic parochial divisions, fights and political extremes from their mainland transplanting these into the areas they settled in much to the detriment of locals.

In the Malaysian context they the Maoists or communists did not fight for independence of Malaya against the British as is claimed in the new revisionist history of the opposition.

They the Maoist communist Chinese fought to dominate the Malayan peninsula on behalf of the "motherland China".

They fought to dominate the locals, claim their territory as part of greater China, subjugate the locals through brute force using the colourful rhetoric of anti colonial sentiments to gloss over, then justify their political myths with, unprecedented acts of violence and brutality against those defenseless who would not capitulate to their ideals. That's history. Mat Sabu was one misguided local caught up in that idealism of the time.

If you apply the documented Chinese "contributions" to Malaysian history against what it is said in opposition sponsored publications about what UMNO claims for itself, the truth becomes more evident. There is no comparison between the two.

UMNO did do much more and much more for not just the Malays. What has to be understood is that the communists Maoists fought to gain control of the peninsula to dominate the locals to bring it into China's orbit

as a satellite and not for independence from Britain.

Britain was long gone as the colonial power when the brutality of the Chinese communists, the Maoists of which unfortunately there was a sprinkling of Mat Sabu's, continued without any mercy till defeated.

They took the lives of those amongst them who were their own kind and failed to establish a large enough support base because their ideals were not the ideals of the local people who already had a culture of their own. Mat Sabu could not have retreated by then without being shot.

The idea of Chinese domination remains. The claim that these communists, Maoists fought for independence is not simply a lie. It is an insult to those who opposed the Japanese, the British and then China. An insult to those who laid down their lives against Chin Peng a mercenary who sought to achieve domination of the Malayan peninsula on behalf of China and the Chinese through the power of intimidation and the gun.

Independence came with the gifts of a home for the displaced like the millions of Chinese and Indians. It could well have ended like Malawi, Uganda, Nigeria and Myanmar where the newly independent governments of these countries deprived their non indigenous population of citizenship and deported them unceremoniously to Britain who did not want them.

Those who forget history are doomed to repeat its mistakes.

11.

Gopal Raj Kumar's Gravatar Gopal Raj Kumar

September 18, 2011 at 1:22 pm | [Permalink](#)

My command of Bahasa is weak and would not justify my response to this particular article on Mat Sabu in my weak Bahasa. I do hope you will forgive me on that score and allow my response on this very topical subject in English.

History has to be looked at in context. It is about the past and no one has a monopoly on either history or the truth. If Mat Sabu has a version of his history that is uniquely skewed to his personal perspectives, then to contradict his version requires the best evidence available and not emotion, political rhetoric or an equally skewed anti UMNO tirade. One must remember that Mat Sabu lived those particular events of history, which Karpal did not.

Others like the Nut Graph which preach and demand greater “freedoms and democracy” are not ashamed to either censors or forever keeps comments they disagree with waiting to be moderated then eventually cancel it. They too put up a string argument for Mat Sabu and his misguided Maoist allies. There is a rebirth of the idea that Malaysia is part of what Mao once called Nanyang (the south seas territorial areas of greater China) and Malaysia’s opposition dominated by the Chinese are aggressively advancing that theory.

The fact remains that if the popular version of history (the history of the victor) is to be accepted, it must also then be swallowed with the thorny truths that come with it.

The Chinese for instance were and remain incontrovertibly a domineering culture that sought to swamp the Malayan peninsula with their large illegal immigrant population. Along with these they imported their domestic parochial divisions, fights and political extremes from their mainland to the areas they settled in much to the detriment of locals.

In the Malaysian context they the Maoists or communists did not fight for independence as is claimed here. They fought to dominate the country on behalf of the "motherland China".

They fought to dominate the locals, claim their territory as part of greater China and did so through brute force using the colourful rhetoric of anti colonial sentiments to gloss over, then justify their political myths with, unprecedented acts of violence and brutality against those defenseless who would not capitulate to their ideals. That's history. Mat Sabu was one misguided local caught up in that idealism of the time.

If you apply the documented Chinese "contributions" to Malaysian history against what it is said in opposition sponsored publications about what UMNO claims for itself, the truth becomes more evident. There is no comparison.

UMNO did do much more and much more for not just the Malays. What has to be understood is that the communists Maoists fought to gain control of the peninsula to dominate the locals to bring it into China's orbit as a satellite and not for independence from Britain.

Britain was long gone when the brutality of the Chinese communists, the Maoists of which unfortunately there was a sprinkling of Mat Sabu's, continued and without any mercy. They took the lives of those amongst them who were their own kind and failed because their ideals were not the ideals of the local people who already had a culture of their own.

The idea of Chinese domination remains. The claim that these communists, Maoists fought for independence is not simply a lie, it is an insult to those who opposed the Japanese, the British and then China who through Chin Peng sought to achieve the same end through the same means of the gun.

Independence came with the gifts of a home for the displaced like the millions of Chinese and Indians. It could well have ended like Malawi, Uganda, Nigeria and Myanmar where the newly independent governments of these countries deprived their non indigenous population of citizenship and deported them unceremoniously to Britain who did not want them.

Those who forget history are doomed to repeat its mistakes.

12.

penapermata@blogspot's Gravatar penapermata@blogspot

September 17, 2011 at 11:02 pm | Permalink

1. Saya telah menonton rakaman ceramah oleh adalah Timbalan Presiden Parti ISLAM semalaysia (PAS) Ustaz. Mohamad Sabu mempertikaikan tentang peranan UMNO dalam memajukan Negara.

2. Beliau berkata, negeri Selangor dan Penang, yang diperintah oleh pakatan rakyat telah diiktiraf sebagai antara negeri yang tertinggi mempunyai nilai dagangan.

3. Beliau bangga dengan pencapaian kerajaan negeri kerana telah memajukan negeri Selangor dan Penang.

4. Persoalannya, sejak bila Pakatan Rakyat memerintah Selangor dan Penang? Sejak Merdeka kah?

5. Siapa yang memajukan negeri tersebut sebelum pakatan rakyat memerintah?

6. Ustaz Mohamad Sabu bercakap seolah-olah sebelum ini Selangor dan Penang tidak MAJU langsung, tiada Pelabuhan Kelang, tiada stadium Shah Alam, tiada jambatan Pulau Pinang, dan tiada segala-galanya.

7. Ustaz Mohamad Sabu seolah lupa, kemajuan Selangor dan Pulau Pinang telah disumbang oleh perancangan rapi kerajaan terdahulu iaitu kerajaan BN.

8. Sepatutnya Ustaz Mohamad Sabu mengkaji kenapa negeri Kelantan tidak semaju negeri Selangor dan Penang, walaupun telah diperintah oleh kerajaan (BUKAN BN) lebih 20 tahun yang lalu.

9. Orang yang memberi ceramah BIASANYA adalah orang yang pandai dan bijaksana, bukan bercakap ikut suka.

10. Jelas Ustaz Mohamad Sabu seorang penceramah yang 'LUAR BIASA'.

13.

ROZALI BIN AYED's Gravatar ROZALI BIN AYED

September 17, 2011 at 1:40 pm | Permalink

Salam hormat Y.A. Bhg Tun,

Pilihanraya umum ke 13 ada kemungkinan berasaskan kepada jangkaan ramai dan banyak pihak yang berkepentingan politik akan diadakan dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia merangkap Pengerusi UMNO dan Barisan Nasional sahaja yang akhirnya dapat menentukan tarikh sebenar pilihanraya setelah meneliti segala peluang dan kemungkinan kemenangan memihak kepada UMNO dan Barisan Nasional dengan izin Allah S.W.T. Mandat kerajaan yang memerintah masih lagi panjang dan akan berakhir awal tahun 2013. Masih banyak lagi yang perlu dilakukan oleh UMNO dan Barisan Nasional berasaskan kepada kepentingan semua golongan rakyat dan negara amnya. YAB Perdana Menteri mungkin tidak perlu tergesa-gesa membuat keputusan untuk mengadakan pilihanraya umum ke 13 dalam masa terdekat ini. Masih banyak lagi perkara-perkara penting perlu diatasi diantaranya mungkin memastikan bahawa semua komponen parti Barisan Nasional telah benar-benar bersedia dan berkeyakinan penuh bahawa keputusan pilihanraya umum nanti akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang daripada yang lalu khususnya pilihanraya ke 12. Peningkatan sokongan rakyat berbilang kaum terhadap segala program transformasi yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri amat perlu mendapat sokongan penuh sebilangan besar rakyat sebelum

pilihanraya nanti.

Parti-parti pembangkang (PKR, DAP dan Pas) yang bergabung dan berpadu tenaga dengan hasrat untuk menumbangkan kerajaan Barisan Nasional pada pilihanraya ke 13 nanti, telah dan sedang melancarkan kempen secara agresif dengan membangkitkan segala isu-isu yang mereka fikirkan boleh menambat hati rakyat. Apa juga program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional demi kepentingan rakyat dan negara dibawah kepimpinan YAB Dato' Seri Mohd Najib dikritik hebat oleh pakatan pembangkang termasuk mewujudkan rasa kebencian terhadap kepimpinan dan kerajaan Barisan Nasional. Rakyat yang perihatin terhadap nasib masa depan mereka dan negara Malaysia amnya senentiasa memerhatikan dan membuat penilaian terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang dan juga menunggu jawapan balas dari pihak kerajaan dan parti-parti komponen Barisan Nasional. Jika dibandingkan sebelum pilihanraya ke 12 tahun 2008, tidak ramai kalangan NGO, individu dan para ilmuan memberikan pandangan yang mirip menyokong kerajaan Barisan Nasional. Alhamdulillah dibawah kepimpinan YAB Dato' Seri Mohd Najib sudah ramai pihak (NGO, individu dan para ilmuan) menyatakan sokongan kepada corak kepimpinan dan segala program transformasi yang dilaksanakan. Ini memberikan suatu petanda baik bagi UMNO dan Barisan Nasional untuk terus diberi mandat menerajui kepimpinan negara dan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun UMNO dan Barisan Nasional tidaklah harus berpuas hati, dan hendaklah melipatkan gandakan usaha membela nasib rakyat dan menjamin negara Malaysia terus maju ke hadapan.

Pakatan Pembangkang bersifat seperti cacing kepanasan, kerana mereka hampir tiada isu yang benar-benar relevan untuk diketengahkan bagi mengekal dan menambah sokongan rakyat. YAB Perdana Menteri dengan dibantu semua peringkat kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional sudah benar-benar menyedari segala kekurangan terdahulu dan berusaha keras memperbaiki segala kelemahan dan sudah nampak nyata segala perancangan menuju kepada kejayaan khususnya bagi kepentingan dan kebajikan rakyat yang diberi keutamaan.

Negeri-negeri yang dibawah kepimpinan pakatan pembangkang tidak langsung menunjukkan sebarang imej yang lebih baik daripada kepimpinan Barisan Nasional yang terdahulu yang mereka janjikan semasa kempen pilihanraya ke 12. Isu sejarah perjuangan parti komunis Malaya dijadikan bahan politik parti Pas dengan mengangkat martabak mereka sebagai pejuang sebenar bagi mencapai kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) dan kini Malaysia. Parti Komunis Malaya hanya berjuang untuk menyingkirkan British dan berhasrat menjadi pemerintah Persekutuan Tanah Melayu dengan dasar pemerintahan komunis yang diantaranya memerintah secara kuku besi, tiada mengiktiraf agama, keadilan sosial, mengeksploasi harta negara yang hanya menjadi hak pemerintah seperti yang berlaku di negara Vietnam yang saya lihat sendiri semasa berada di Hanoi Vietnam Utara dalam tahun 1981. Para pejuang kita (Polis dan Angkatan Tentera) berjuang habis-habisan menentang keganasan komunis bagi menghalang cita-cita mereka menakluki negara Malaysia ini.

Y.A.M. Almarhum Tuanku Abdul Rahman Putra Al Haj. Perdana Menteri Malaysia Pertama dari UMNO dengan kerjasama kepimpinan berbagai kaum dari gabungan Parti Perikatan dengan bijaksana telah berjaya menuntut kemerdekaan bagi negara Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 dari penjajah British tanpa sebarang kekerasan dan pertumpahan darah. Pasukan keselamatan (Polis dan Angkatan Tentera) berdiri teguh dibawah kepimpinan negara pada waktu itu bagi menjamin proses mendapatkan kemerdekaan dapat berjalan lancar dan berjaya sepenuhnya. Merekalah yang sebenarnya patut disanjung dan dihormati sebagai pejuang sejati bagi negara Malaysia, bukannya Pasukan Komunis Malaya seperti yang cuba ditonjolkan oleh kepimpinan Pas. Oleh kerana pejuang-pejuang kemerdekaan adalah dari kalangan parti politik kepimpinan UMNO dan Parti Perikatan (Barisan Nasional), maka Pas dengan rasa cemburu hati yang masih belum padam (mungkin tak kunjung padam) dan tidak dapat menerima kenyataan fakta sebenar, maka sanggup melabel pasukan Komunis Malaya sebagai pejuang kemerdekaan bagi Malaysia. Fakta sejarah sebenar tidak boleh diubahsuai atau ditulis yang baru. Negara-negara lain di dunia juga tidak pernah mengubah fakta sejarah negara mereka bagi dijadikan modal politik. Syukur alhamdulillah dengan rezeki yang Allah S.W.T kurniakan saya dapat menziarahi banyak negara di dunia dan menyaksikan kesan-kesan sejarah yang sangat mereka (penduduk asal

negeri-negeri berkenaan) banggakan dan tidak pula mengeksploitasi sejarah sebagai bahan untuk mendapatkan laba politik.

Saya menyeru semua rakyat Malaysia dari berbagai etnik, budaya dan anutan agama merenung kembali dan meneliti kesan-kesan sejarah negara Malaysia. Dengan berbuat demikian ianya boleh memberikan kita lebih kefahaman terhadap susur galur sebenar bagaimana Malaysia dibangunkan dan menjana semangat jati diri kita yang sebenar sebagai rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan keharmonian. Kita harus bangun menentang segala usaha yang boleh menghancurkan segala kenikmatan hasil pembangunan negara selama ini. Meruntuh sesuatu kejayaan amat mudah dan boleh dilakukan dalam sekelip mata, manakala membina sesuatu tamadun dan kejayaan akan menempuh segala ranjau dan duri dan memerlukan suatu jangkamasa yang panjang dan keringat yang bukan sedikit. Sama-samalah kita membuat pertimbangan dan memilih yang mana lebih mulia demi kelangsungan masa depan nasib kita dan anak cucu keturunan kita dimasa akan datang.

Selamat dan terus berjuang kepada Y.A Bhg Tun.

Sekian, terima kasih.

14.

fiedo's Gravatar fiedo

September 15, 2011 at 6:41 pm | Permalink

assalamualaikum TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

sy setuju pada TUN mengenai ISU ini...

ramai anak melayu yang menegak kan isu tanah melayu dijajah atau tidak. sy juga tersinggung dgn kata2 mereka yg tidak masuk akal, malah menyalahkan pemimpin dulu dan kini. sy juga risau apa akan terjadi jikalau negara malaysia dipimpin oleh parti pembangkang, susah kita nak percaya

pada pihak yg tak pernah memimpin negara. dan setelah apa yang kita lihat dri dulu hingga kini semakin lama semakin maju. dan kita juga tidak mahu jadi seperti negara jiran yg masih ada rakyatnya yang tidak ada tempat tinggal malahan tiada makan dan minum... sy bersyukur pada ALLAH kerana memberi seorang pemimpin(TUN DR. MAHATHIR) yang telah memimpin negara serta membangunkan tanahair utk kehidupan rakyat jelatah. TUN, tolong lah kami utk membuka mata rakyat yang masih menyalahkan kerajaan.

*sy berharap dan berdoa pada ALLAH agar suatu hari sy dpt bersalaman dan berjumpa TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD.

15.

taurus sitara's Gravatar taurus sitara

September 15, 2011 at 11:32 am | Permalink

Asalamualaikum Tun Mahathir,

why are we still allowing these people like mat Sabu and PAS supporters to walk freely on Malaysian streets?sholudn't they be placed under ISA?is this mat Sabu getting paid to say all these so that RTM can start airing captions of battles fought against communists?to educate our Malaysians?

16.

mbi2611's Gravatar mbi2611

September 15, 2011 at 8:41 am | Permalink

Terima Kasih Mat Sabu kerana menambahkan isu supaya orang melayu terus bergaduh sesama sendiri. Saya rasa ada orang tak pergi beraya ke rumah adik-beradik, saudara-mara dan sahabat handai pasal bergaduh pasal isu ini. Saya tahu malam tadi ada orang bertumbuk pun pasal ini.

WISE UP PLEASE!!!!!! PLEASE!!!!!! Bring up issues that will give people opportunity to discuss rationally (kan banyak issue lain!!!!). This Bukit

Kepong issue will only brings heated argument among us. Imagine the Pakcik-pakcik at the Surau, Kedai Kopi at the kampung. Kau ni memang Benny Hill la Mat Sabu. PAS people rather have this guy as their leader rather than the Nasrudin. Cannot understand this!!!!

17.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 15, 2011 at 12:07 am | Permalink

Salam Al-Fadhil Tuan Guru Dr Mahathir yg di rahmati ALLAH,

Dengan izin : nasihat untuk sdr noniwahid tu.....

1. Org pandai dan cerdik, tidak salah jika disokong.
2. Org berjasa, tidak salah jika di hormati
3. Org berakal, tidak salah jika di ikuti
4. Org kaya, tidak semestinya dia kafir laknatullah.
5. Org kaya, juga memayungi orang yang memerlukan
6. Org kaya lagi bermaruah, tidak menghina orang.

7. Orang yang tidak boleh diikuti dan wajib disingkirkan ialah orang yg berdengki, gedebe, bodoh sombong, tidak ada akal, tidak 'educated', memperalatkan Agama Islam, menghina ALLAH mencarut.....

18.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 14, 2011 at 11:52 pm | Permalink

SubhanAllah, Mahasuci Allah swt.

Salam Tuan Guru Dr Mahathir yg di Rahmati Allah,

1. Memang amat benarlah apa yg TGDrm katakan itu.
2. Mat Sabu – gadai Polis dan pejuang kemerdekaan
3. Nik ajis – gadai Allah
4. Hadi awe – gadai matlamat
5. Karpal – tumpang bermangkuk-mangkuk

HINA BETUL PAS DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS TU....

19.

bumi malaya's Gravatar bumi malaya

September 14, 2011 at 6:28 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun..

Sabu you memang sabu..sabu yang sabu betul la you ni.

20.

Khair22's Gravatar Khair22

September 13, 2011 at 8:43 pm | Permalink

YABhg Tun,

Salam hormat.

Mat Sabu..kalau otaknya dah beku..mindanya dah tertutup..there is nothing much we can do about him...rally by patriotic Malaysians to protest

against him similar to illegal rallies by BERSIH recently will not change Mat Sabu..Kita seperti anjing menyalak kepada bukit.

Anyway, we just want to know..what Mat Sabu has done for Malaysia ...?

21.

sinar baru's Gravatar sinar baru

September 13, 2011 at 4:05 pm | Permalink

siapa mat sabu ni? nak kata orang alim ulama, bukan..... professional pun bukan...jadi sama-samalah kita nilai kredibiliti beliau sebagai pemimpin...

22.

Bothman's Gravatar Bothman

September 13, 2011 at 2:53 pm | Permalink

Salam Tun

Semua ini kan mainan politik. Satu diversion je....dari isu semasa yg sedang berjalan di mahkamah.

Dan mereka berjaya..

23.

Musang Si Guntang's Gravatar Musang Si Guntang

September 13, 2011 at 10:51 am | Permalink

mat sabu has become a ` liability ` to pas.

mat sabu has checkmate himself.

24.

akulah69's Gravatar akulah69

September 13, 2011 at 9:53 am | Permalink

Salam Tun,

Kini baru saya tahu bahawa yang saya anggap hero yang hebat, pejuang yang kental rupanya pengkhianat bangsa, petualang agama. Datuk Maharaja Lela, Datuk Sagor, Sultan Abdullah, Dol Said, Mat Kilau, Tok Bahaman, Tok Gajah, Tok Janggut, Hj. Abdul Rahman Limbong, Rosli Dhobi, Mat Salleh merupakan pengkhianat negara kerana menentang pelindung kita, British pada masa itu.

Kini saya perlu ubah minda saya supaya membuka minda anak-anak saya bahawa nama2 yang saya tuliskan tadi merupakan pengkhianat agama, bangsa dan negara. Sanggup menderhaka pada sultan dan menentang, membunuh orang inggeris yang melindungi tanah melayu pada ketika itu.

Satu lagi Tun, saya rasa Tun kena bagi tau kat Kerajaan Malaysia, tidak perlu sambut merdeka sebab sejarah menunjukkan kita tidak pernah dijajah. Janganlah kita membazir berjuta-juta untuk meraikan merdeka sedangkan sedari dulu negara kita tidak pernah dijajah oleh inggeris. Hidup Queen Elizabeth..... Harap Tun boleh maklum kepada kabinet supaya cukup-cukulah rai merdeka tuh, bazir duit ajer sebab kita negara bebas sejak dahulu lagi.... salam...

25.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 12, 2011 at 11:44 pm | Permalink

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar

Salam Tuan Guru Dr Mahathir yg di Rahmati ALLAH,

1. Sudah semakin ramai ahli PAS keluar PAS, mereka tidak peduli lagi dengan BAI'AH rekaan PAS.

2. Tidak lama lagi PAS hanya tinggal 3 stoogest, Hadi Awe, Nik ajis, dan Mat Sabo

3. Marilah kita yang bukan PAS dari semua keturunan, Polis dan Tentera selamatkan Malaysia dan berdoalah "Ya Allah selamatkan negara kami dari PAS"

26.

ROZALI BIN AYED's Gravatar ROZALI BIN AYED

September 12, 2011 at 7:23 pm | Permalink

Salam hormat Yg Bhg Tun,

Nampaknya Tim. Presiden Pas (Mohd Sabu atau lebih dikenali dengan panggilan Mat Sabu) masih lagi tidak henti-henti mempertahankan pandangannya bahawa wira perjuangan kemerdekaan negara Malaysia adalah pasukan pengganas komunis khususnya yang menyerang Balai Polis Bukit Kepong Daerah Muar Johor dalam tahun 1950 (zaman dharurat), dan menafikan pasukan polis seramai 25 orang yang terkorban mempertahankan Balai Polis berkenaan sebagai wira negara. Isu baru Mat Sabu mengaitkan pula filem Sarjan Hassan arahan Allahyarham Tan Sri P. Ramli sebagai anjing British. Beberapa pihak-pihak tertentu (pakar-pakar sejarah, para ilmuwan, bekas pegawai dan anggota polis serta ahli keluarga yang pernah terlibat dengan peristiwa serangan pengganas terhadap Balai Polis Bkt Kepong) telah dengan sukarelanya membantu membuat penjelasan sebenar kepada masyarakat umum melalui berbagai cara segala fakta sebenar siapakah wira negara yang sebenarnya. Namun amat mendukacitakan Mat

Sabu dan segelintir kepimpinan Pas masih keras kepala mempertahankan pandangan mereka.

Dengan kemajuan teknologi maklumat dan pembangunan pembelajaran yang membentuk majoriti rakyat Malaysia boleh berfikir dengan rasional sudah tentu 100% menolak tanggapan negatif Mat Sabu dan parti yang diwakilinya. Dengan tindakan Mat Sabu akan meruntuhkan lagi kepercayaan rakyat khususnya kalangan pengundi atas pagar, kecuali penyokong tegar Pas yang buta hati, mata dan perasaan akan terus menyokong kepimpinan Pas dalam apa situasi sekalipun. Sebagai penganut Islam kita tidak harus terlalu taksub kepada pemimpin, ketaksuban kita secara benar, penuh beriman dan taqwa hanya kepada Allah S.W.T. dan Rasul Pilihan Nabi Mohamad S.A.W. Inilah kesilapan besar bagi penyokong tegar parti Pas, mungkin atas dorongan dan fatwa kepimpinan tertinggi Pas bahawa menyokong Pas ada jaminan masuk syurga. Sesuatu kepimpinan harus disokong selagi ianya benar dan tidak menyeleweng dari kehendak syariat Islam sebenar.

Pas suatu ketika dahulu telah berjaya memikat sebahagian besar rakyat khususnya orang Melayu Islam menyokong hala tuju perjuangannya terhadap Islam. Namun demikian setelah bergabung dengan PKR dan DAP, Pas sudah mula hilang arah perjuangan asalnya terhadap Islam dan beralih menyokong aspirasi DAP dan PKR. Perkembangan ini nampaknya dengan serius melunturkan kepercayaan rakyat khususnya orang Melayu Islam yang tidak fanatik kepada mana-mana parti politik untuk terus menyokong Pas. Untunglah UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum ke 13 nanti, insyaallah.

Tindakan Mat Sabu sebagai Tim. Presiden Pas yang baru dan sedang berusaha untuk membentuk suatu platform yang kuat melalui kempen dengan mengenengahkan isu-isu yang tidak relevan mengikut lunas-lunas sejarah negara yang sebenar, dan pada yang sama ingin memikat hati rakan politik DAP dan PKR. Pas amat teruja selepas mendapat sedikit undi kaum China pada pilihanraya ke 12 yang lalu. Pas dengan sedaya upaya cuba meneruskan momentum sokongan undi kaum China pada pilihanraya umum

ke 13 bersama DAP dan PKR. Pas tak bangga Allah S.W.T lahirkan mereka sebagai orang Melayu Islam, hanya berasaskan kemahuan politik semata-mata. Allah S.W.T jadikan makhluknya dari berbagai warna kulit dan bangsa, sudah tentu ada hikmah terbaik Allah berbuat demikian, dan kita harus bersyukur dan menerima anugerah Allah menjadikan kita orang Melayu dan beragama Islam.

Tepuk dada tanyalah selera, gunakan akal fikiran berasaskan hukum syariat Islam yang sebenar lagi suci apabila kita membuat sesuatu keputusan memilih kepimpinan yang bersesuaian bagi memimpin negara ke arah memajukan ummah.

Sekian, terima kasih Yg Bhg Tun. Salam 1 Malaysia dan Wassalam.

27.

zaidhussin's Gravatar zaidhussin

September 12, 2011 at 1:06 pm | Permalink

Salam Tun, Selamat Hari Raya Aidil Fitri, Semoga Tun sihat dan ceria selalu,..Saya sedih tengok orang2 melayu yang rasa dirinya bijak, tapi disebabkan fanatisme , fikiran mereka jadi sangat sempit.. Betul cakap Tun.. Cakap la apa pun, pengikut dan penyokong mereka tak akan dengar langsung.. Pemimpin terdesak nakkan kuasa manakala pengikut dan penyokong pulak berfikiran sempit..

28.

Khair22's Gravatar Khair22

September 12, 2011 at 9:47 am | Permalink

YABhg Tun,

Salam hormat.

Mat Sabu sebagai orang Melayu adalah bangsat (bangsa khianat) kepada kaumnya sendiri.

29.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 11, 2011 at 11:37 pm | Permalink

Assalamu'alaikum wr wb.

Tuan Guru Dr Mahathir didoakan sentiasa mendapat Rahmat ALLAH.

1, Mat Sabu/Mat Sabo(taj), pemimpin2 PAS serta ahli PAS yg masih tinggal, sedang bertungkus lumus memerah otak (yg tidak berakal) dan bersusah payah sehingga terberak lagi di sana sini bagi menegakkan benang yang amat basah yang amat susah kering.

2. Hanya jika mereka bertaubat dan kembali kepada UMNO parti mereka yang asal, barulah Allah akan terima.

30.

nrzmi's Gravatar nrzmi

September 11, 2011 at 4:02 pm | Permalink

Salam & Selamat Hari Raya Tun,

Dalam isu apa yang diperkatakan oleh En. Mat Sabu baru-baru ini, menimbulkan berbagai persoalan di kepala saya. Mungkin saya terlalu banyak membaca makalah 'teori konspirasi' dan awal-awal lagi saya ingin memohon maaf jika apa yang akan saya persoalkan ini mencuit perasaan pembaca.

Yang pertamanya, gaya En. Mat Sabu yang pada kebiasaannya jarang menyentuh hal-hal yang kurang difahami oleh beliau tetapi isu beliau yang terbaru ini seperti sudah menyimpang dari gayanya. Dan, setiap isu yang ditimbulkan oleh beliau sebelum ini pada kebiasaannya akan disusuli dengan jawapan tangkisannya, tetapi dalam isu terbaru ini, beliau seperti terkedu dan jawapan yang diberikannya juga kurang meyakinkan. Persoalannya, adakah ini gaya terbaru En. Mat Sabu atau beliau seperti didesak?

Keduanya, En Mat Sabu selalunya memainkan isu-isu yang popular dan semasa tetapi isu Mat Indera agak berlainan. Sebelum ini, boleh dikatakan ramai tidak mengenali siapa itu Mat Indera dan untuk beliau memainkan isu ini adalah di luar kebiasaan beliau.

Ketiga, ini bukan berkaitan Mat Sabu tetapi ini secara amnya, apabila seseorang itu telah menerima didikan agama, apa yang membuatnya menerima ideologi komunisme ini yang ada menyebut isu 'ketuhanan'.

Akhirnya, kebelakangan ini banyak diperkatakan mengenai komunisme dalam julat masa yang pendek, apa yang jadi persoalannya adalah 'kenapa?' dan 'apa yang tersirat?'. Adakah ini suatu 'strategi berfasa' atau semuanya secara kebetulan? Semua ini perlu direnung dan difikirkan.

Sekali lagi saya memohon maaf.

31.

mushtar's Gravatar mushtar

September 11, 2011 at 3:02 pm | Permalink

biasala tue tun...

org banyak cari makan guna peluh...

politician cari makan guna air liur...

macam-macam rasa air liur nyer....:)

32.

fadzireen's Gravatar fadzireen

September 10, 2011 at 12:11 pm | Permalink

Salam TUN,

Their recent foray to debunk Bukit Kepong draw flaks.

A foolish stand, as politician, should leave it to the historian.

On that fateful day, mortality not only include patriotic policemen, but also women and children.

Islam forbade the killing of women and children in war.

By placing the perpetrators on the pedestal certainly contradicts the hadiths and their perceived champion of Islam.

Seems like they are lost in times.

A sendiwara in motion indeed, Msabun play the bad guy while Ksingha play the good guy (as Captain America) trying to save the masses in dire straits.

They should stick to ranting, slandering and rhetoric (their forte) with winning Putra Jaya in their mind, because Barisan National is in the fore front in nation building.

33.

nfx's Gravatar nfx

September 10, 2011 at 3:44 am | Permalink

Semakin byk cerita yg membuat generasi baru tertanya-tanya kebenarannya...sehingga tidak terungkai jawapan...sejarah ditulis oleh

mereka yg menang & undang2 juga digubal oleh mereka yang menang...

Apa yg pasti kebenaran pasti akan muncul...Setinggi mana tupai melompat, akhirnya jatuh ketanah jua...

Dunia baru, the invisible world, where's the poverty from the shantytown starting to speak out to the world asking their needs and the genius gonna blow out an ideas in the world wide web.

Whatever it is, the truth will lead

~nFx~

<http://noframex.blogspot.com>

34.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 9, 2011 at 11:51 pm | Permalink

ALLAHU AKBAR!

Tuan Guru Dr Mahathir yg di Rahmati ALLAH,

PAS PARTI BODOH LAGI MEMBODOHKAN

35.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 9, 2011 at 11:49 pm | Permalink

SubhanALLAH, Alhamdulillah, ALLAHU Akbar

Tuan Guru Dr Mahathir yg di rahmati ALLAH,

1. Orang berusaha layak mendapat kesejahteraan/kekayaan/kejayaan.
2. Orang yang teramat sangat berjasa seperti TGDrM memang sepatutnya teramat layak pula mendapat kesejahteraan/kekayaan/kejayaan.
3. Orang HAPRAK adalah orang yang berdengki dengan kesejahteraan/kekayaan/kejayaan orang lain.

36.

salehul's Gravatar salehul

September 9, 2011 at 3:14 pm | Permalink

ape pun,semua isu ni hanya mainan politik,kita rakyat klu tak kerja tak ade sape nak bagi duit.ahli politik siap dapat pencen lagi..fikir2 kan..

<http://www.myinsurans.com/>

37.

MiddleAges's Gravatar MiddleAges

September 9, 2011 at 9:43 am | Permalink

Salam Tun,

1. Mat Benny Sabu, surely does plenty work for us. Thank You. Good medicine, laughter is. I really appreciate it.

Benny Hill normally get chased by many pretty women towards the end of his shows, unlike Mat Sabu who unfortunately gets chased by many angry men.

2. You are right ..."Aliran ini tidak sihat bagi Pakatan". Karpal is afraid this Sabu will cause PR to karam and acted swiftly to repair the damage. But then Mat Benny is a pro. And so is Karpal. So we should relax. People are sooo afraid to use the word "komunis" in public. That's why i said i think perhaps the communists have actually won in history. Komunis – komunis – komunis – komunis – komunis – komunis – komunis – komunis – komunis – komunis. Nah.

Thank You Tun, puas dah.

3. UMNO has no sense of humour at all. Asyik nak mengamuk saja. Melayu betul. Bakar kelambu pun tak apa, asalkan puas tidoq. Even if UMNO tries to be funny, no one will not find it funny. In fact, nowadays i think they do not even need to act, it comes naturally, only they aren't laughing. That's why i says they have no sense of humour.

4. It seems D.S. Rosmah has entered stage now, or rather people put her there. I don't why people get so upset she delivered a Hari Raya message. How can one get upset for a lady merely for wishing you Hari Raya ? Have you all gone mad ? I mean opposition pun, kalau nak cari issue, please find one worth our time, for example – Tun Mahathir.

Tun Mahathir is an issue worth debating and theorizing about. Wither he appear next ? How much is his shoes. How much does his hair cut costs. Does he get a discount for teh tarik ? What will be the title of his next blog ? These are things i'd rather learn about.

I think lame & non critical messages are better delivered by a wife, rather than a Prime Minister. I'd rather PM gives speeches on economy and

social construct, JAIS, and issues like that, than speeches on festive season, which no one pays much attention to anyway ? What did she say ? There, you see.

Thank You Tun

38.

Dr Airil Yasreen Yassin's Gravatar Dr Airil Yasreen Yassin

September 8, 2011 at 7:32 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,

Saya Dr Airil Yasreen Mohd Yassin, Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Awam, UTM Johor Bahru. Saya telah membuat rakaman video dimana saya telah memberikan hujah berkenaan isu Bukit Kepong dan komunis. Saya tidak bersetuju dengan pernyataan YB Mat Sabu dan sebaliknya, saya mempertahankan perjuangan polis Bukit Kepong. Video tersebut telah di upload ke youtube. Saya amat berbesar hati jika Tun dapat meluangkan masa untuk mendengar hujahan saya. Jika Tun berminat, video2 tersebut boleh ditonton di blog saya:

<http://airilsametok.blogspot.com/>

Jika pada pandangan Tun video2 ini ada kebaikannya, adalah diharapkan juga agar ia dapat dihebahkan dan disebarkan pada masyarakat umum. Terima kasih. Wasalam.

Yang Benar

DR AIRIL YASREEN MOHD YASSIN

Senior Lecturer and Research Fellow,
Steel Technology Centre (STC),
Fakulti Kejuruteraan Awam,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Johor Bahru.

39.

ROZALI BIN AYED's Gravatar ROZALI BIN AYED

September 8, 2011 at 6:17 pm | Permalink

Salam hormat Yg Bhg Tun,

Melihat laporan akhbar saya nasih teruja meneruskan ulasan mengenai kepimpinan Pas (khususnya Mohd Sabu & lain-lain kepimpinan) yang mendakwa pasukan pengganas kominis yang menyerang Balai Polis Bukit Kepong, Daerah Muar Johor zaman dharurat sebelum Merdeka sebagai wira sebenar memperjuangkan kemerdekaan negara, dan menafikan pasukan keselamatan (pasukan Polis) yang mempertahankan Balai Bukit Kepong demi maruah negara sebagai wira negara sebenar. Tindakan Mat Sabu dengan disokong oleh segelintir kepimpinan Pas sudah tentunya menyentuh dan mengguris hati dan perasaan para pejuang negara (khususnya pasukan keselamatan) yang telah berkorban nyawa mempertahankan maruah negara demi mendapatkan kemerdekaan dari cengkaman penjajah.

Negara Malaysia sudah melalui tempoh kemerdekaan selama lebih 54 tahun yang lalu. Pasukan kominis telah meletakkan senjata dan berundur dari terus menghuni hutan belantara Malaysia bagi perjuangan yang sia-sia.

Saya pernah bertugas di negara dibawah pemerintahan kominis (Hanoi Vietnam) dalam tahun 1981, membantu kerja-kerja pengubahsuaian Kedutaan Besar Malaysia di Hanoi, atas perintah Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya Malaysia. Saya dapat merasa dan melihat sendiri pahit maung hidup di sebuah negara kominis, aktiviti agama langsung tidak dibenarkan, tiada siapa boleh berpakaian atau berbelanja lebih antara satu sama lain kononnya atas perinsip kesaksamaan, tiada kebebasan untuk rakyat menyampaikan buah fikiran, sebarang maklumat luar disekat sama sekali dari pengetahuan rakyat, tiada harta pemilikan sendiri dibenarkan, malah semuanya adalah hakmilik pemerintah. Itu semua adalah segelintir aktiviti pemerintahan kominis yang saya dapat rasakan dalam tempoh masa lebih kurang setahun berada di negara kominis. Apakah rakyat Malaysia mahu menerima pemerintahan mengikut dasar kominis yang kononnya atas perinsip kesaksamaan seperti yang dilaung-laungkan oleh kepimpinan Pakatan Rakyat?

Soalnya tepuk dada tanyalah selera sendiri. Malaysia sudah membangun dengan begitu pesat sebagai negara industri, khususnya semasa era pentadbiran yang diterajui oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad. Kenikmatan pembangunan negara sudah terang lagi nyata dapat dinikmati bersama oleh semua golongan masyarakat termasuk rakyat yang menyebelahi pembangkang, facts cannot be denied.

Sekian, terima kasih.

40.

pppz's Gravatar pppz

September 8, 2011 at 1:04 pm | Permalink

Seorang mengkaji dan seorang lagi mengaji.

41.

Ian jit's Gravatar Ian jit

September 8, 2011 at 12:48 pm | Permalink

jom ahli-ahli PAS yang fanatik, kita tolong cuci tahi yang mat sabu berak.....

42.

asifadio's Gravatar asifadio

September 8, 2011 at 10:23 am | Permalink

pakpandir08 oooo pakpandir08

kau mmg pandir la... malaysiakini tu pun berat sebelah... siap dapat support dari NED/CIA lagi.. \$100000 time 2010.. sokong yer puak2 yahudi ambik alih Malaysia kan? ish ish ish.. sekurang2nya Utusan melayu islam punya duit

43.

Tuntuah's Gravatar Tuntuah

September 8, 2011 at 10:00 am | Permalink

1. Communism is an ideology.
2. Started from marxist then leninist the non marxist then non leninist etc etc etc..
3. Since it is an ideology, so these people start creating un-necessary believes such as no GOD etc etc etc and declared they are atheism.
4. Why? bcoz, they want to halal kan wat is haram.
5. so boleh khalwat
6. so boleh tipu, belit

7. so boleh mencarut

8. so boleh macam macam la.. bak kater pelacur " apa suka lah..." n
one of lagu P Ramlee " dunia ini ana yang punya"

9. ooouch.. sound like mat sabu ajer....or PAS or... mat dot dot tu..

10. no wonder he praised komunis kat bukit kepong tu...

11. ah-ha.. HBT.. you are rite!. I don't know about communism...

12. so wa luluk liam liam lah..

44.

CH Liew's Gravatar CH Liew

September 8, 2011 at 9:14 am | [Permalink](#)

What is "Your comment is awaiting moderation" ?

What so "unmoderate" about Tun still in power?

Tun Dr. M is still the most powerful man in Malaysia and Tun can still change Malaysia for the better if he want to....! With his might, a single stoke of his influential swing or jab he can move Malaysia and Malaysians. Tun can unite all Malaysians as Malaysian or continue to worsen the current situation.

I think Tun is a very special person sent from heaven to do good things on earth. With his special power, skill and mind if used in the righteous way (many good things done) will make Tun a legend and a saint or a immortal.

Tun do you every wonder why you are so smart and can see things that others cannot see (vision). Do you think you were given this power by some unexplainable?

Selamat Hari Raya and may you be healthy and happy

45.

amin tan's Gravatar amin tan

September 8, 2011 at 8:37 am | Permalink

Dear Tun,

Today's Star Biz,

///SIME Darby had on Aug 27 announced its intention to acquire 273 million Eastern & Oriental Bhd (E&O) shares and 60 million irredeemable convertible secured loan stocks (ICSLS) in E&O, which, on a fully diluted basis, amounts to a roughly 30% equity interest in this niche property developer.

Sime offered RM2.30 for each E&O share, or a total of RM766mil ringgit for the block, with the sale shares coming from just three main groups: Datuk Terry Tham Ka Hon, E&O's managing director, Singapore-listed GK Goh Holding Ltd and a group led by Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah, formerly of Land and General Bhd.

Sime has cited its reasons for the acquisition as being "aligned with its strategic direction to extend its presence in the property development and hospitality sectors, beyond the Greater KL region, specifically in Penang and

Johor.”

Will there be a mandatory general offer (MGO) for the rest of E&O's shares, since the combined block passing to Sime does not cross the necessary quantitative 33% threshold for it to take place, is a question which is being asked in corporate circles.

According to the Mergers and Acquisition Code, in instances where a party buying stakes of between 20% and under 33%, there can be deemed to have been created a situation triggering an MGO.

These instances are laid out in Practice Note 9 of the Malaysian Code on Take-overs and Mergers 2010 and largely involve situations where there is some arrangement between the vendor of the block of shares and the new buyer on how they are going to vote on company decisions, the ability of the acquirer to exercise control of the retained voting shares and the consideration.

Our analysis is as follows.

With 30%, normally companies would be able to have effective control when there is fragmented shareholdings.

The vendors are selling only part of their shares and will have still 11.5% left among them.

The biggest owner, Tham, who owns 15.7%, will still end up with a 5.1% stake post-acquisition dilution.

A 60% premium is being paid, which is not something that can be scoffed at.

Where does this leave the minority shareholders? Is it fair to them?

We believe that in the circumstances, the Securities Commission should investigate whether the other conditions for an MGO have been fulfilled.

And what of Sime's minority shareholders?

Arguably, does Sime really need E&O all that much at that price?

Much has been made of the mega-merger that integrated the property arms of the former Golden Hope Plantations Bhd, Kumpulan Guthrie Bhd and Sime Darby Bhd, which has given the group a massive and undeveloped landbank of 37,000 acres, as well as 126,000 acres in Sime Darby Vision Valley.

With this massive amount of land on tap, Sime Darby Property's gross development value now stands at RM30bil.

This purchase is one of the biggest developments since its leadership change, and as a leading government-linked company (GLC) which seeks to practice good corporate governance, an arguably more beneficial deal to all parties could have been proposed.

The main sore point is the offer price which amounts to 19 times E&O's forecast earnings for 2012 and 1.85 times its price-to-book value,

where by comparison, the property sector has an average of 12 times forecast earnings for 2012 and 0.8 times price to book value.

Yes, the premium could be partially justified since it is a controlling block, but with a mere 30% stake, the extent of earnings contribution accruing to Sime is merely at the equity-accounting level as an associate, or a mere 0.6% increase to Sime Darby's profits in 2012 and 2013.

So soon after reeling from its recent billion-ringgit losses in its energy division, it is hoped that the board had undertaken all due diligence in this deal.///

amin tan

46.

MiddleAges's Gravatar MiddleAges

September 8, 2011 at 5:49 am | [Permalink](#)

Salam Tun,

Clever PR, no ?

More please.

Thanks Tun

47.

ROZALI BIN AYED's Gravatar ROZALI BIN AYED

September 8, 2011 at 3:41 am | [Permalink](#)

Salam hormat Tun,

Mengikut laporan akhbar Timbalan Presiden Pas Mohd Sabu (Mat Sabu) mencabar Timbalan Perdana Menteri/Timbalan Presiden UMNO berdebat bagi mempertahankan pandangannya bahawa pasukan pengganas kominis yang menyerang Balai Polis Kepong, daerah Muar Johor adalah sebenarnya wira negara bagi menuntut kemerdekaan negara Malaysia. Mat Sabu enggan menerima cabaran Ketua Pemuda Pergerakan Pemuda UMNO untuk berdebat atas isu yang sama dengan alasan bahawa Timbalan Perdana Menteri lebih banyak mengulas pandangan beliau. Mungkin juga Mat Sabu merasakan YB Khairi Jamaluddin (Ketua Pergerakan Pemuda UMNO) tidak sama statusnya dengan beliau (Timbalan Presiden Pas) untuk berdebat.

Bagi saya Mat Sabu tak perlu mencabar Timbalan Perdana Menteri untuk berdebat atas tajuk siapa wira-wira negara sebenarnya yang memperjuangkan kemerdekaan negara Malaysia. Adalah lebih relevan Mat Sabu merujuk kepada pakar-pakar sejarah negara Malaysia, para-para akademik yang terulung mengenai sejarah dan kemerdekaan negara Malaysia untuk mendapatkan fakta sebenar siapakah atau pihak manakah yang sebenarnya wira-wira negara yang berjuang untuk maruah dan kemerdekaan negara Malaysia.

Soalnya mengapa sekarang setelah negara Merdeka selama 54 tahun dari cengkaman penjajah, isu-isu wira negara yang memperjuangkan maruah dan kemerdekaan negara Malaysia dibangkitan? Mat Sabu cuba menjadi jaguh sejarawan negara dengan mengeksploitasi isu sejarah yang telah benar-benar termaktub dalam perlembagaan negara. Mat Sabu kelihatan sudah kehabisan isu-isu politik yang mahu dikemukakan untuk menaikkan imej diri selepas terlantik sebagai Timbalan Presiden Pas, dan pada masa sama mencari populariti murahan supaya rakan-rakan pakatan rakyat (DAP dan PKR) yang sememangnya ada pandangan yang seiring dengan pandangan beliau mengenai pengganas kominis di Malaysia. Mat

Sabu mengharapkan ada keuntungan politik bagi parti-parti pembangkang apabila membangkitkan isu pengganas kominis. Mat Sabu bukanlah dari kalangan akademik (cerdik pandai) khususnya yang telah membuat kaji selidik secara ilmiah dengan mendapatkan fakta-fakta benar terhadap usaha wira-wira negara (para cendekiawan, pasukan keselamatan, ahli-ahli politik, para sejarahwan, para wartawan terdahulu yang terkemuka dan lain-lain organisasi dan individu tertentu) yang memperjuangkan kemerdekaan negara. Kononnya Mat Sabu hendak menulis semula sejarah negara mengikut pandangan peribadi beliau sendiri. Mat Sabu tak perlulah membuang masa dan waktu untuk menulis semula sejarah negara khususnya isu pengganas kominis yang dianggap sebagai wira negara oleh beliau. Mat Sabu haruslah mencerminkan diri sendiri sejauh mana keupayaan beliau untuk mencungkil semula kesan-kesan sejarah negara. Masih banyak lagi isu-isu menarik perhatian rakyat untuk diketengahkan untuk meraih laba politik. Mat Sabu sudah melakukan kesilapan besar.

Mat Sabu amat wajar mohon maaf khususnya kepada seluruh ahli keluarga pasukan keselamatan yang benar-benar telah berkorban demi maruah dan keselamatan negara untuk mencapai kemerdekaan negara Malaysia. Keterlanjuran tindakan Mat Sabu untuk meraih keuntungan politik dengan mengeksploitasi isu pengganas kominis di Malaysia amat keterlaluan dan tidak mendatangkan apa-apa keuntungan dan kebaikan kepada pembangunan negara Malaysia, malah akan meruntuhkan keharmonian negara.

Sebagai anat jati Malaysia berbangsa Melayu dan beragama Islam, Mat Sabu amat wajar bermuhasabah diri. Jadilah seorang ahli politik yang benar-benar mempamerkan keintelektualan, berintegriti tinggi, bersemangat juang untuk kepentingan bangsa, agama Islam dan negara Malaysia.

Salam Sejahtera dan 1 Malaysia Tun.

48.

layar bahtera's Gravatar layar bahtera

September 8, 2011 at 2:20 am | Permalink

yang kenapa jadi dengki anak2 mahathir, hussein, abdullah jadi kaya
sebabnya yang pendengki tu memang pemalas nak jadi kaya.

saya ni pun cuma ada sijil SPM dah boleh jadi kaya...

x payah pun nak pinjam2 duit

sebabnya noniwahid nak mengikut sangat kawan...

tu yang dengki tengok orang lain kaya...

anak2 anwar ibrahim kaya ada siapa dengki?

rumah banglo RM7 juta kat Kuala Lumpur... dengki la noniwahid

49.

sudin's Gravatar sudin

September 8, 2011 at 1:03 am | Permalink

Salam Tun.

Saya memang sudah jangkakan bahawa apabila Mat Sabu menang jawatan Tim. Presiden PAS, ahli2 dan penyokong2 PAS kebanyakan telah menunjukkan perubahan sikap. Mereka lebih berminat kepada penceramah2 yang boleh menggental isi perut mereka, yang berupaya membuat mereka ketawa terbahak2. Jalan cerita dan kebenarannya tak penting asalkan mereka boleh dibahagiakan untuk menikmati hiburan lucu dengan murah/percuma dari ceramah2 politik yang mereka hadiri.

Penceramah2 ni pula apabila sudah ketandusan modal akan beralih kepada apa2 jua perkara termasuk yang pelik2. Bercerita bahawa Nabi Muhammad s.a.w. seorang penderhaka lah, Tuhan mencarut lah, Chin Peng

wira negara lah, undi PAS masuk syurga lah, bohong land rover polis langgar lah, apa2 saja yang boleh menjadi bahan ketawa pendengar2 akan terus mereka semburkan tanpa berfikir akibat2 yang menunjukkan kebodohan mereka.

Yang penting pendengar seronok dan dipastikan tidak berasa boring supaya pulang berperasaan puas hati. Sukarelawan terbunuh di Somalia, orang2 Islam dimurtadkan semuanya dijadikan bahan kelentong mereka!

Saya nak beri cadangan kepada ahli2 dan penyokong2 PAS/PKR, selalulah datang ke Chow Kit road di KL kerana disana kalian akan dapat menikmati hiburan berterusan yang serupa dan lebih hebat daripada ramai penjual2 ubat jalanan. Yang nyata berbeza ialah penjual2 ubat ni melakukan usaha murni untuk mencari rezeki dan mereka tak pernah MENGGUNAKAN ISLAM untuk mencapai tujuan mereka, berlainan sekali halnya dengan penceramah2 berserban/berketayap dari Parti Aslam-murtad SaMalaysia ni.

Si Mat Sabu ni pula, setiap kali pendengarnya ketawa, maka di palulah gendang/tong kosong milik setianya dengan sekuat mungkin! Ini membuatkan pendengar2nya ketawa lebih lantang, dan seterusnya ia membuktikan budaya tong kosong PAS yang dah lama bersemadi yang amat digemari ahli2/penyokong2 mereka!

Kalau tak di awasi (dan tanpa disedari), ianya akan menular ke sikap carca-marba yang amat terkenal dengan PKR, sekutu kuat mereka!

Ramai penyokong2 langsung dah tak punya perasaan malu pada diri sendiri. Tengok telatah si noniwahid tu, tulis hentam-keromo ikut sesuka hati je, macam budak sekolah rendah! Sungguh memalukan, perempuan pula tu!

Satu Luncai, satu lagi Pak Pandir.

Si Luncai berangan2 nak jadikan "Malaysia Negara Kebajikan" tapi sikit pun tak tahu apa kebajikannya dan bagaimana caranya!

Si Pak Pandir pula asyik nak suruh orang bersikap adil tapi tak pernah bersikap adil kerana tak tahu maana sebenar adil atau pun tak peduli.

SEDARLAH & INSAFLAH.

50.

NaMe_NaLSoR's Gravatar NaMe_NaLSoR

September 8, 2011 at 12:26 am | Permalink

Untuk saudari Noniwahid, tergerak untuk saya memberi persoalan..

Ai...Takkanlah semua anak tun ni tidak boleh berharta dan billionaire kot..? Apa masalahnya..? Kenapa pulak nak segan..?

51.

nahar's Gravatar nahar

September 7, 2011 at 10:34 pm | Permalink

Salam Tun n family

Karpal xsetuju dengan Mat Sabu kerana itu akan menghina orang keturunan sikh. Semasa British kebanyakan anggota polis dan pasukan keselamatan lainnya ketika itu ramai kaum sikh yang berkhidmat dengan British.

Mat Sabu kata jika bunuh pegawai British itu adalah hero sebenar negara. Jadi Karpal xsetuju lah perkataan Mat Sabu tu, kerana ketika itu ramai kaum sikh bekerja dengan British. Mungkin ada antara mereka itu adalah saudara mara kepada Karpal. tq.

52.

HBT456's Gravatar HBT456

September 7, 2011 at 8:51 pm | Permalink

Good evening Tun,

1. YB Nazri Aziz mudah lupa.
2. Beliau lupa bahawa Perdana Menteri kita yang ke-5 kita telah meletakkan jawatannya, secara sukarela.
3. Perdana Menteri ke-6 kita ini adalah pengganti kepada PM ke-5 saja.
4. I support Vice President MCA, YB Chor Chee Heung 110% that if MCA cannot maintain 15 seats out of 31 seats, MCA will not join the Cabinet to respect the Chinese Community.
5. Hence, YB Nazri no need to persuade YB Najib and the Prime Minister's Department, who has married MCA as 1st wife for 54 years edi, to offer cabinet positions to MCA, and Gerakkan too when they are old and not attractive anymore with anak2 dan cucu2 yang ramai sekarang.
6. If tanya TS Myuhiddin sebagai Malay 1st, the UMNO Baru Vice President, the traditional man, I am sure he will tell us that his wife doesn't allow him to take in new young wife.
7. If YB Najib and YB Nazri think that they do not have to ikut adat tradisi UMNO and have space in their heart to take in 2 more young and attractive online girl friends, contohnya Toni and T.C., as new wives, it's OK, takda apa2, betul tak A-Minor?

8. Tuntuah, kalau tak faham apakah tu Komunis dan sejarah kita, luluk liam2, k?

9. Yes, Mat Sabu looks like Benny Hill, British most cheekiest and famous comedian in the 80s who loves to talk craps, tak dosa kan?

10. Kalu Utusan UMNO Melayu mahu cuit Mat Sabu sampai beliau di ISAKAN, tak pa, kita boleh sokong Berita Harian, Harakah, Sinar Harian dan sebagainya.

Goodnight Tun.

53.

musato's Gravatar musato

September 7, 2011 at 7:52 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun.

Habislah Pas PRU 13 kali ni.Karpal Singh yang berpengalaman 40 tahun pun tak berdaya nak buat apa-apa.

Tapi DAP tetap tak rugi undi pun.Cuma Pakatan akan hilang banyak negeri.

Itulah niat Lee Kuan Yew bila ke P.Pinang.Pesan pada Lim Guan Eng supaya jaga P.Pinang.

Tapi walau macam mana sekalipun,orang Cina tak sehebat orang

Melayu memerintah.Singapore sendiri mengimport orang putih menjadi warganegara Singapore.Bermakna orang Cina Singapore perlu bersaing dengan orang putih pula.

Sedangkan pentadbir Melayu kekal ortodoks menjamin kerakyatan Cina dan India tetapi tidak Bangla,Vietnam

54.

amin tan's Gravatar amin tan

September 7, 2011 at 7:23 pm | Permalink

Dear Tun,

Please allow me to divert a little bit. Today's STAR report business section, E & O deal under scrutiny. Sime Darby bought the above shares at rm2.30 per share for rm766 millions from some vendors whereas the market price is only rm1.40.

Why buy at rm2.30 when the trading at the market is only rm1.40. There may be some hidden agenda. Please remember the majority share holder of Sime Darby is the Malaysian Government and Permodalan Nasional Berhad(amanah saham bumiputra). From what I can see it is broad day light cheating of Sime Darby by the vendors. MACC should be called in. I think the vendors are from DAP and PKR as E & O is Penang based. I hope Tun can elaborate on this topic as a lot of rakyat money is being spent in suspicious manners.

amin tan

55.

mike ibrahim's Gravatar mike ibrahim

September 7, 2011 at 5:29 pm | Permalink

kenapa perbandingan sejarah dengan hanya sebuah buku / artikel ?

56.

eanisazman's Gravatar eanisazman

September 7, 2011 at 3:32 pm | Permalink

Salam Tun and All,

Malam tadi Mat Sebu mintak maaf. Katanya bukannya tak mengiktiraf perjuangan UMNO mendapatkan kemerdekaan tetapi mereka lebih memuji sikap penentangan secara total kaum komunis untuk mendapatkan kemerdekaan daripada British.

Daripada cakap yang sebegini kalau orang yang terang akalnya bermakna mereka lebih ghairahkan perjuangan yang menumpahkan darah berbanding cara diplomasi ala UMNO. Memang dasar orang yang berjiwa pemberontak. Bila Malaysia aman damai orang macam ini akan merasa boring sebab tak dapat 'bergeruh' ataupun bergaduh.

Orang yang berjiwa camni akan tertarik pada pemimpin camni. Sanggup akan gunakan apa cara hatta mengorbankan prinsip negara Islam sendiri nak menang undi. Seperti kaum Komunis yang tidak bertuhan.

Perkataan nepotisma ni mula mula dipopularkan oleh Anwar Ibrahim. Ia nya untuk menjatuhkan lawan politiknya. Hari ini parti beliau dipenuhi anak bini dan sanak saudara beliau. Rumah bernilai jutaan ringgit diperolehi dari business apa? Dengar kata syarikat Radicare adalah proksi milik beliau. Elok la ditamatkan perkhidmatan nya.

Kaji dulu sebelum menaruhkan hasad dengki pada orang lain. Tidak salah anak pemimpin hatta siapa pun Melayu Cina atau India jadi bilionaire. Yang salah menyalah gunakan wang rakyat. Melayu jangan jadi Pak Pandir

57.

isyqi_cute's Gravatar isyqi_cute

September 7, 2011 at 1:07 pm | Permalink

pakpandir08.Tun ... tak baik selalu membuat fitnah seperti media mainstream berdosa oh ...

<http://malaysiakini.com/news/174898>

<http://malaysiakini.com/news/174859>

Tun Mahathir bukan membuat fitnah, he talked base on fact. If your read carefully and see what is going on in Malaysia you will understand. Don't talked like a dump person who don't know anything but pretending to know everything. Open your eyes to see the truth

58.

CH Liew's Gravatar CH Liew

September 7, 2011 at 11:05 am | Permalink

You are still in control of Malaysia and you're still the (unofficial) PM. Every politicians including Najib is still very afraid and kowtow to you. You are behind every move the Govt taking and you are against 1Malaysia because you dont want the people to see how you divide Malaysians by using race and religion (your biggest sin). I think you will only truly retire when one of your sons become the official PM so that he can continue your legacy and both hands on the money bag (tax and petronas money). You

still handsome too

59.

lextcs's Gravatar lextcs

September 7, 2011 at 8:57 am | Permalink

<http://www.globalresearch.ca/index.php?context=va&aid=26353>

this article tells of the stark facts hidden by main stream media ...the western imperialist is forwarding its agenda to divide, conquer and enjoying the spoils of their ravaging appetitemalaysia must say no ..not ever...to these pack of wolves....ever again.

60.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 7, 2011 at 12:51 am | Permalink

Tuan Guru Dr Mahathir yg di Rahmati ALLAH,

1. Politik PAS amat berbahaya kepada orang Melayu.
2. Politik PAS membantu mempercepatkan penjajahan asing
3. Politik PAS mengundang dosa kepada pemimpin2nya dan ahli2nya.
4. Wahai saudara PAS, bertaubatlah ya..... insaflah bahawa :

5. UMNO dengan izin ALLAH adalah penyelamat untuk semua.

61.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 7, 2011 at 12:43 am | Permalink

Assalamu'alaikum wr wb.

Tuan Guru Dr Mahathir yg di Rahmati ALLAH,

1. Mat Sabu/Mat Sabo(taj) berdosa kepada seluruh orang Melayu.

2. Mat Sabu/Mat Sabo menyanjung orang yang tidak percayakan Allah.

3. Karpal,.... dia kan loyar, semua orang kenal loyar.

4. Orang PAS sahaja yg tidak kenal loyar..... kasihaan.

62.

babah's Gravatar babah

September 6, 2011 at 9:15 pm | Permalink

Akm,

Renungan,

Tulisan yg berbudi bahasa, bersopan santun dan membina menggambarkan hatibudi, peribadi dan pemikiran seorang penulis yg baik, disamping lebih berkesan mempengaruhi pembaca.

63.

arah's Gravatar arah

September 6, 2011 at 8:00 pm | [Permalink](#)

Now PAS wants review of independence struggle

KUALA LUMPUR, Sept 6 — PAS today urged Putrajaya to form a Cabinet committee to review the history of the nation's independence amid controversy surrounding the party's deputy president's remarks on Malaya's pre-independence freedom fighters.

PAS No. 2 Mohamad Sabu, widely known as Mat Sabu, told a Bukit Gelugor ceramah recently that those who attacked the Bukit Kepong police station — which killed 25 — during the pre-independence communist insurgency in 1950 were freedom fighters, including Muhammad Indera.

PAS secretary-general Datuk Mustafa Ali said today that Umno had lied in calling Muhammad, better known as Mat Indera, a communist, highlighting a book endorsed by the Johor state government titled "Pengukir Nama Johor".

"If he is sincere, (Prime Minister Datuk Seri) Najib (Razak) can set up a Cabinet committee to review the history of the country's independence," said PAS vice-president Salahuddin Ayub at a press conference today with Mohamad, Mustafa, party central committee member Dr Dzulkefly Ahmad and party information chief Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man.

Mohamad has since been accused of being a communist sympathiser by Umno leaders and sniped at daily in Umno-owned newspaper Utusan Malaysia despite denying that he had used the word "communism" in his speech.

Umno Youth said recently it would gather former soldiers, policemen and kinsmen of victims of the Bukit Kepong tragedy in a nationwide roadshow — called the Pentas Patriot or Patriot Stage — to counter Mohamad's view of the fire-fight.

Tun,

Terus membaca

<http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/now-pas-wants-review-of-independence-struggle/>

64.

babah's Gravatar babah

September 6, 2011 at 7:34 pm | Permalink

Akm, betul ke tanah melayu merdeka bila org lain setuju terima islam sebagai agama rasmi, agong dari sultan-sultan jadi ketua negara, perdana menteri mesti org melayu. yg tak setuju, tak boleh jadi warganegara? Kalau masa tu dia org tak setuju, takkan org melayu nak biar islam tak jadi agama rasmi, agong bukan ketua negara, perdana menteri bukan org melayu. Nasib baik masa tu org islam dan melayu sama sepakat, jadi org tahu, nampak, hormat, yg org melayu kuat, org tak ganggu, dapat tumpang merdeka. Lagipun melayu dah terbukti baik dan pemurah, tak berkeras dgn hak yg ada, takut org kecil hati. Sekarang org dah tak tahu, nampak dan hormat lagi. Mungkin melayu terlalu baik, pemurah dan tak berkeras dgn hak yg ada. Minta kalau boleh Tun komen. setuju atau tidak, atau apa-apa yg boleh bagi semua org tahu, nampak dan hormat yg org islam dan melayu tu memang sentiasa sepakat. Maaf, tolong betulkan saya pasal tak paham, tkasih

65.

mbi2611's Gravatar mbi2611

September 6, 2011 at 4:36 pm | [Permalink](#)

I don't know why but everytime I see Mat Sabu, I remember the British comedian Benny Hill. I remember a friend told me that he's attending Mat Sabu's ceramah, because the guy is funny!!! Now he is the PAS Deputy President??? Dunno Lah!!!

By the way, Selamat Hari Raya Adil Fitri to Tun.

66.

akoudin's Gravatar akoudin

September 6, 2011 at 4:12 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun....

Biar bicara kita bersahaja,

Biar perilaku dengan santun bahasa,

walaupun banyak kritikan diterima,

Bersabarlah dengan seadanya.

Semoga Tun dan keluarga sentiasa sihat walafiat...

67.

zainaltech's Gravatar zainaltech

September 6, 2011 at 3:06 pm | [Permalink](#)

salam tun..

bila dah tak diajar dengan sikap suka berterima kasih atas budi baik orang inilah jadinya...

kadang2 kerana politik manusia mudah lupa dengan ajaran agama dan tatasusila...

semuga tun dan keluarga sihat selalu...

My Help Desk

68.

Mis_bah's Gravatar Mis_bah

September 6, 2011 at 3:00 pm | Permalink

Hai Pakpandir08,

Tak bijaklah hukum media mainstream sebagai penyebar fitnah..terlepas pandangkah media yang diterbit "untuk ahli sahaja" dan media online atau portal atau orang kata media baru? Jangan lupa sumbangan media mainstream kepada pembangunan masyarakat, agama dan bangsa. Pakpandirpun dapat faedah tau..

69.

Ibnu Sulaiman's Gravatar Ibnu Sulaiman

September 6, 2011 at 12:33 pm | Permalink

Assalammua'laikum wrt... Tun yang dihormati,

"Kita" merujuk kepada diri penulis, berbahagia Tun dan pembaca mesej ini.

1. Syukur kehadiran Allah SWT kerana masih memberi kita rezeki yang melimpah ruah, keamanan, kemakmuran, dan yang paling utama memberi kita nikmat Islam. Janganlah sampai kita lupa bahawa kenikmatan tersebut hanyalah sementara di alam dunia ini dan Allah boleh menariknya pada bila-bila masa. Mungkin selepas dari membaca mesej ini, Allah mencabut nikmat nyawa kita kerana yang hidup pasti mati. Selagi nyawa dikandung badan, selagi itu tanggungjawab yang di amanahkan oleh Allah SWT wajib dilaksanakan dan diamalkan.

2. Semoga Allah SWT terus mengurniakan Tun kesihatan mental dan fizikal, dipanjangkan umur, diberi taufik hidayah dan dirahmati Allah SWT selalu. Amin.

3. Pada pendapat saya untuk makluman berbahagia Tun: Perkara yang paling pelik ialah Allah SWT sudah mengurniakan Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW sebagai panduan hidup. Tetapi kenapa kita tidak mahu ikut? Sungguh pelik bin ajaib!

4. Persoalan Pertama: Apa usaha kita untuk meletakkan Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW sebagai rujukan pertama & utama selepas dari undang-undang ciptaan manusia?

5. Persoalan Kedua: Adakah kita masih merujuk kepada apa orang kata @ apa akhbar kata, lebih tinggi makamnya dari Al-Quran dan Sunnah Nabi?

6. "Dan turutlah Al-Quran sebaik-baik (panduan hidup) yang

diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, sebelum kamu didatangi azab secara mengejut, sedang kamu tidak menyedarinya.” (Terjemahan Surah Az-Zumar ayat 55)

7. Nasihat saya mungkin boleh dianggap cucu kepada yang berbahagia Tun; biarlah manusia-manusia ini hendak berkata apa-apa kerana mereka tiada kuasa pemerintahan. No Action Talk Only (NATO). Tetapi yang paling utama dan wajib diambil perhatian ialah apa usaha kita untuk mengikut, memertabatkan dan mengamalkan apa kata-kata yang Allah SWT dan rasul kita telah sampaikan. Itu yang paling utama sekali.

8. Selamat hari raya maaf zahir batin.

rgds

Ibnu Sulaiman

Komen² Terdahulu:-

1. Jom Solat Fardu 5 Waktu Berjemaah
2. Ciri-ciri Asas Pemimpin
3. Yang Hidup Pasti Mati
4. Islam Menolak Fahaman Asabiah, Perkauman dan Kebangsaan
5. Bala Bencana!!! Apabila Hubungan Kita Dengan Allah SWT Tidak Dijaga
6. Adakah anda termasuk dalam golongan manusia yang sanggup menghina Allah SWT dan Rasul-Nya?
7. Kesan Buruk Sistem Kapitalis
8. Iklan Kekosongan Jawatan

Tuntuah's Gravatar Tuntuah

September 6, 2011 at 11:08 am | Permalink

Mat Sabu.. kalu dah berkhawat nyer kaki, cakap polis langgar dierlah, komunis merdekakan negaralah....

MINTA TOLONG.. Jangan busukan nama ISLAM

Org Islam tak cakap tipu

Orang Islam tak sokong komunis

org Islam ditegah berkhawat.

Nik Aziz Atau Haji Haji, tolong tashkil sikit mat sabu ni...

Mat Sabu. Samada ko Islam atau Kafir.. itu engkau dengan Allah.

Aku tak nak masuk campur.

Tapi Kalu ko kate ko Islam, tolong jangan berdusta lagi sebab nanti aku tuntutan kat Akhirat kalu ko dusta.

71.

HBT456's Gravatar HBT456

September 6, 2011 at 9:30 am | Permalink

Good morning Tun,

1. I have nothing to comment about Karpal and Mat Sabu.

2. To them, do it or die is the only way out.

3. Do it or die will guarantee them votes from Bumiputras, the politicians decide since they are paid for that job from public monies.

4. If Pakatan DAP-PKR-PAS contest under individual party, I will vote DAP.

5. If Pakatan DAP-PKR-PAS contest under Pakatan DAP-PKR-PAS, I will vote BN.

6. Why?

7. Vote is hak istimewa kita, bukan hak ketuanan kita.

8. Of course, as a property owner in Petaling Jaya, I will vote BN when Pakatan DAP-PKR-PAS contest under Pakatan DAP-PKR-PAS.

9. Why?

10. I do not want to see another pre-mature property bubble bust in Selangor which is very very bad for Selangor state and Malaysians when Pakatan DAP-PKR-PAS wins in GE13.

11. DAP starts to recruit Malay and rural votes in peninsula and Sabah means they do not want to put all eggs into 1 basket.

12. If DAP is not greedy for political power only, today, they can be at par with PAP in Malaysia.

13. Bumiputras are not stupid, politicians are stupid.

Good day, Tun.

72.

solve_it's Gravatar solve_it

September 6, 2011 at 9:23 am | Permalink

Klu pasal sejarah dulu China baik dgn melaka bg kawin puteri hang li poh. Asal mereka bukan komunis kemudian byk penjajah ada terjadi pulak komunis diChina. Semua perang saudara vietnam, korea bila ada org asing. skrg bila dah takda penjajah China dah kurang komunis. China tak menjajah Malaysia.

Bukan nk sokong komunis tp ingin org buang tanggapan komunis tu cina. Komunis tu termasuk Cuba, Rusia dan berbagai lg . Mereka pernah buat kesilapan krn dulu byk penjajah dan wajar dimaafkan. Sedangkan penjajah sendiri dimaafkan.

Perkauman harus dibuang. Anda tak setuju? Apa boleh buat? Kita dah beritahu dgn baik...

73.

Mis_bah's Gravatar Mis_bah

September 6, 2011 at 9:18 am | Permalink

Assalamu Alaikum Tun,

Rakyat kita kian bijak menilai pemimpin dan isu semasa. Mereka boleh buat perbandingan antara retorik dan realiti..Jadi, kita tak perlu risau dengan telatah Mat Sabu yang bercakap ikut sedap mulut saja.Dua sedang menggali liang lahad politiknya sendiri..

74.

pakpandir08's Gravatar pakpandir08

September 6, 2011 at 8:29 am | Permalink

Tun ... tak baik selalu membuat fitnah seperti media mainstream berdosa oh ...

<http://malaysiakini.com/news/174898>

<http://malaysiakini.com/news/174859>

75.

hairyibrahim's Gravatar hairyibrahim

September 6, 2011 at 2:53 am | Permalink

Assalamualaikum Tun, saya minta maaf sebab tak sempat ke rumah terbuka Tun. Insyaallah kalau panjang umur tahun depan saya akan datang ke rumah Tun. Saya doakan Tun sekeluarga akan terus panjang umur & murah rezeki kerana insan seperti Tun ini, sudah tidak ramai lagi di Malaysia ni. Iaitu insan yang benar2 kasihkan agama, bangsa & negaranya. Tentang tajuk diatas, saya yakin Tun sudah begitu masak dengan manusia2 fasik itu, oleh itu saya cadangkan Tun teruskan usaha dengan mengasak dan mendesak dengan mata pena Tun, supaya musuh2 negara itu dapat kita tewaskan.

Wassalam.

76.

halalsurf's Gravatar halalsurf

September 6, 2011 at 1:58 am | Permalink

Salam,

Penubuhan komunis pada asalnya menolak agama dan raja. Di Malaysia penyokong komunis dulu atau sekaramg memang tak perlu di beri pertimbangan. Today, Mat Sabu nak berjumpa waris Bkt kepong, nak buat apa? Mat Sabu please learn to comb your hair with diff style before you want to comb other people hair. Halalsurf.Com social network memang tak setuju cara Mat Sabu (syabu). Terima kasih dari rustam rizalman ghazalli

77.

truthseeker's Gravatar truthseeker

September 6, 2011 at 12:49 am | Permalink

Salam Tun and fellow bloggers,

1. we must admit, mat sabu is smart – he knows any angry malay will forgive him when the time comes for him to apologize..he knows about the malays very well – a bunch of apologetic people, full of sympathy, forgiving, so kick the malays in the ass and later ask for forgiveness!

2. he is smart becos the DAP and the chineses are watching him..they'll be willing to sponsor him as their barua, oops, ambassador to the malays...there you see, he is one smart ass.

3. for the rest of us, forget about mat sabu buta sejarah, tidak faham perjuangan, etc, dont waste your time – this idiot knows what he's doing. If the police sympathizers whack him or maybe he whack himself, it would be a hot issue during the election – just like anwar's black eyes! Somewhat like the movie 'dirty harry' whereby the bad guy paid others to bash him up and accused the police.

4. hmm..sounds like one guy plays the bad cop role (mat sabu) and karpal the good cop.

scums will do anything!

78.

mad_zack's Gravatar mad_zack

September 6, 2011 at 12:28 am | Permalink

noniwahid September 3, 2011 at 5:02 pm

"umno dulu nepotisma.anak tun tiga tiga billionaire.anak paklah pun millionaire,anak hussein on terus dapat DUKE expressway.

sekarang umno tunggu tengok anak najib jadi millionaire ke tak...lol! apakah tun...takkan pandai sangat sampai semua anak tun BILLIONaire.tak segan ke?"

Cina yang berlambak jadi billionaire tak bising ponn, melayu yang 2-3 kerat jadi billionaire dia nak kecoh. Dah memang dasar melayu, tak boleh tengok sesama sendiri senang, ada je pe'el dengki.

Melayu meniaga je yang selalu kena santau, Cina tak pernah pulak kena. Haii, betul laa Melayu ni...

79.

sitinur's Gravatar sitinur

September 6, 2011 at 12:16 am | Permalink

alaaa aper nak kisah anak2 tun m trillionaire ke haper ke....

itu pn tak terbalas kerja keras tun m selama nih....ader haku kesah...

ader sorang menantu tak kerjer tu pn wasernya taraf kayarayaan
gak tp si mentua mcm ****....aper yg kuar dr molot dia lebur m'sia....nih
najib jd pewaris dia kot yg senyap sunyi ja tak kata apa2...naik lemaih
marhaein najib n kdn duk wat deq jer....sian kat blogger pro bn bersilat
bagai najib uk dak ek dak.....haissssh....

80.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 5, 2011 at 10:25 pm | Permalink

Salam Tuan Guru Dr Mahathir Yg Di Rahmati ALLAH,

1. Apa yang TGDrM cakap semuanya benar belaka, terima kasih
TGDrM, Allah beri ilham yang baik kepada TGDrM supaya dakwahkan kepada
semua umat.

2. UMNO adalah parti sebenar, benar dan amat bertanggungjawab,
ikhlas dan terbukti menjayakan rakyat serta negara, tidak boleh dinafikan
sama sekali.

3. Mat Sabu ni layak dengan nama 'Mat Sabotaj'.

4. Mat Sabu/Mat Sabotaj ni siapa yang tidak kenal sebagai individu
teramat jahat Sek Men Sultan Abdul Halim ada sejarah jahat Mat
Sabu/Mat Sabotaj.

81.

milshah's Gravatar milshah

September 5, 2011 at 8:38 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,

Saya rasa sudah tiba masanya pengundi Melayu tukar daripada sikap mengundi secara membuta tuli kepada sesebuah parti, kepada menggunakan akal dalam menentukan parti yang benar-benar berjuang untuk agama, bangsa dan negara.

Saya rasa ramai dari kalangan ahli politik sekarang yang tidak lagi mengutamakan orang Melayu. Sebaliknya undi orang bukan Melayu dianggap begitu berharga bagaikan emas.

Ini kerana sikap pengundi Melayu yang begitu fanatik kepada sesebuah parti tanpa memikirkan samada parti itu berada di landasan yang benar atau sebaliknya.

Contohnya kalau orang Melayu tu sokong PAS, maka segalalah yang dibuat oleh PAS tu betul dan orang lain semua salah. Contohnya apabila pemimpin PAS kata mencarut boleh, atau boleh ditukar prinsip dari penubuhan negara Islam kepada negara kebajikan, atau boleh bersahabat dengan DAP yang jelas menentang penubuhan negara Islam, maka penyokong-penyokong fanatik ini akan sokong PAS tanpa memikirkan sama ada ianya baik atau tidak untuk kepentingan orang-orang Islam.

Demikianlah juga, kalau UMNO sekalipun membuat kesilapan, janganlah kita mengiyakan atau menjadi Pak Turut sebaliknya menegur pemimpin. Kalau pemimpin lihat penyokong asyik mengiyakan sahaja, maka mungkin beliau tak nampak kesilapan yang dilakukannya.

Sikap fanatik ini, telah menjadikan undi orang Melayu tidak berharga pada pandangan ahli politik sebab macam mana sekalipun orang Melayu

akan tetap undi parti yang dia taksubkan itu.

Dengan ini, isu menganggap komunis sebagai pejuang kemerdekaan, orang politik tidak gusar dengan orang Melayu, sebab mereka tahu orang Melayu yang fanatik akan tetap sokong mereka.

Yang mereka pentingkan adalah orang cina, sebab sikap orang cina ini, mereka memikir dahulu apa yang terbaik untuk dirinya sebelum mengundi sesuatu parti.

Kita dapat lihat dalam satu pilihanraya suatu masa dulu, DAP kalah dengan begitu teruk sehingga dua orang kuat DAP iaitu Lim Kit Siang dan Karpal Singh gagal mendapat kursi Parlimen yang ditandingi. Akan tetapi dengan mudah trend ini berubah apabila sekarang MCA dan Gerakan pula kalah dengan teruk apabila pengundi cina beralih arah kepada parti pembangkang pula.

Jadi saya menyeru orang Melayu supaya berfikirilah tentang masa depan kita sebelum mengundi. Kalau sesuatu parti itu memperleehkan agama atau orang Melayu, maka jangan undi mereka. Tunjukan kemarahan kita melalui undi. Ikutlah sikap orang cina yang tidak fanatik tetapi berfikiran sebelum mengundi.

Perkasa boleh membantu orang Melayu apabila tiba pilihanraya nanti untuk menentukan siapakah dia pengkhianat agama, bangsa dan negara.

Dengan ini, diharapkan ahli politik akan mula menjaga hati dan kepentingan orang Melayu kerana bimbang akan kehilangan undi Melayu.

Sempat juga saya datang ke rumah terbuka Tun dan bersalaman

dengan Tun dan isteri. InsyaAllah, kita akan bertemu lagi.

Terima kasih.

82.

saif12345's Gravatar saif12345

September 5, 2011 at 8:21 pm | Permalink

Dari dulu lagi manusia bernama MAT SABU nii chakap dia tak pernah bole percaya .. the MOST ELIGBLE PERSON kalau nak dikategorikan sebagai manusia MUNAFIK ..

Tak payah lah nak rasionalise apa yang dia bahas atau ceramah .. none is worth to hear . Buat menambah dosa ada lee. So semua ahli masjid especially Bekas Tentera dan Polis buat sembahyang HAJAT. Masjid Koperasi POLIS di GOMABK annouce buat SEMBAHYANG HAJAT .. LAKNAT KAN Si MAT SABU niiii. . Mengadu kepada ALLAH ... DUNIA nii DIA yang punya .

83.

saif12345's Gravatar saif12345

September 5, 2011 at 8:10 pm | Permalink

Buat semua ahli Bekas Tentera and Polis ..

Saya cadangkan kita buat sembahyang HAJAT untuk MAT SABU nii.. Kalau benar dia pembela komunis , ALLAH LAKNATKAN dia

Begitu juga kepada yang nak menunaikan haji tahun nii.. niat didepan Kaabah jika benar seperti yang diberitakan .. ALLAH LAKNAT kan dia..

Apa dia ingat dia sorang jee ada ALLAH ..

84.

boyfromraub's Gravatar boyfromraub

September 5, 2011 at 7:59 pm | Permalink

Dearest Tun,

Selamat Hari Raya.

Some of your comments are not relevant anymore. I wonder what plays in your brilliant mind when you write things like this. There are many of us waiting to explore the idealistic side of you. Your pragmatic politics might win votes now, but it might not stand the test of time.

Anyways, keep writing.

85.

solve_it's Gravatar solve_it

September 5, 2011 at 4:41 pm | Permalink

Org putih yg menjajah tp komunis jd mangsa. Sampai hr ini kita bergaduh, komunis sebagai alasan.

Klu kita tgk org putih tanya diri adakah teringat marah atau pun terangkat dan suka?

Itulah kesan pecah dan perintah sehingga kita marah mangsa lain tp

tidak pd mereka. Klu anda ingin memerintah Malaysia gunakan pecah dan perintah.

86.

aconite's Gravatar aconite

September 5, 2011 at 4:03 pm | Permalink

noniwahid, kenapa cemburu anakx Tun jadi billionaire. Harta dunia bukan boleh bawa kemanax pun. Semua akan kita tinggalkan. Nabi Muhammad SAW tidur atas tikar palma pun tak dengki atau sakit hati kepada maharaja rom, farsi tidur atas tilam empuk dan dalam istana besar.

Perbincangan pada kali ini ada kaitan dengan menafikan jasa angkatan bersenjata menentang komunis.

Elok juga anakx Tun jadi billionaire supaya mengimbangi jumlah billionaire bangsax lain yang ada. Sekurangxnya tak banyak sedikit dapat juga membantu sesama bangsa. Saya pun susah dan biz pun kecil tapi tak pula sakit hati melihat mereka yg berjaya samada mendapat 'syufaat / nepotism' atau dari hasil kerja kuat.

Perkarax yg tak nampak atau tersembunyi atau tak pasti, itu pasti akan diadili, disemak, diaudit ect di padang masyar. So, tak perlu sakit hati. Hidup di dunia sementara sahaja tetapi jangan sampai kita menggadaikan maruah bangsa dan memperjudikan nasib bangsa pula hanya kerana ingin memerintah. Apa yg kurang, apa yg cacat kita tambah dan perbaiki samax dan tak perlu kita ganti yang lain.

noniwahid pasti ke 100% yg baru (PKR + PAS + DAP) lebih baik?

87.

sangfikir's Gravatar sangfikir

September 5, 2011 at 1:08 pm | Permalink

Salam Tun

Saya tidak hairan & tidak takut dgn Perang Psikologi yg dibuat Mat Sabu & sekutunya itu. Percayalah tak lama lagi, Tuan Guru Mursyid Nik Abdul Aziz pun akan berfatwa lagi untuk menyokong Mat Sabu 100%. S.O.P PAS & Pakatan. TGNA jadi tukang ampun dosa mereka!

Apapun, itu memanglah kerja pembangkang utk memutarbelit apa saja yg boleh dibuat isu walaupun nampak sangat sumbangnya ilmu sejarah mereka. Itu pun S.O.P mereka juga.

Tetapi yang saya hairankan Tun, ialah calon Tun sendiri YAB Dato Seri Najib, yang dilihat seolah-olah KELAT berkata-kata untuk menangkis fitnah Mat Sabu ini. Isu ini bukanlah yg pertama bahkan sudah berbundle-bundle isu yg disalah fitnah oleh pembangkang yg boleh menjerat mereka sendiri tetapi YAB DS Najib seolah-olah tidak petah bercakap untuk membalas paku buah keras kepada pembangkang.

Sehinggakan, kami rakyat jelata khasnya golongan muda yg rajin membaca kini mula percaya yg YAB DS Najib memang kurang ilmu perjuangannya khasnya tentang Sejarah Malaysia. Beliau hanya mengulang buah yang sama sejak jadi PM iaitu kisah FELDA.

Pada saya, YAB TS Muhyiddin nampaknya lebih bijak bermain senjata mengelak & menyerang pembangkang. Haruskah berlaku perubahan lagi sebelum PRU 13? Atau PRU 13 akan menyaksikan kekalahan BN bukan kerana BN tak buat kerja tapi kerana tak pandai Bercakap! & Berhujjah!

Wasalam

88.

kenapa's Gravatar kenapa

September 5, 2011 at 12:50 pm | Permalink

MAT SABU!

PAS sekarang punyai LUNCHAI – terjunlah bersama cepat!

89.

Haslinawati's Gravatar Haslinawati

September 5, 2011 at 12:34 pm | Permalink

Salam Edulfitri Buat Tun & Keluarga.

Malaysia sudah merdeka. Kemerdekaan negara pun mahu digossipkan. Ada pros and cons nya isu ini, namun kita jangan lupa, kita mengangkat pejuang kemerdekaan Tanah Melayu daripada Penjajahan British, membentuk sebuah negara merdeka, bukannya berjuang untuk membebaskan Tanah Melayu daripada British dan masukkan ke bawah Jajahan tanah besar China. Bintang 3 yang berkiblatkan negara China memulakan perjuangan setelah mereka ditindas dan diperangi oleh orang2 Jepun. Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) ialah satu pertubuhan Parti Komunis Malaya (PKM) yang telah bekerjasama dengan British untuk memerangi Jepun. Kalau jepun tak masuk daun masa british memerintah, kehidupan bintang 3 ni lagi senang. Mudah berniaga, British beri kekayaan ekonomi dan kekuasaan bandar dan lombong kepada mereka. Kaum asal Tanah Melayu di kepung daripada berilmu dan ke bandar, terus terporok di kampung2, bertani dan bersawah. Namun mungkin ada pejuang2 kemerdekaan yang mengambil peluang bernaung di bawah parti komunis untuk menentang British yang ketika itu berkuasa di Tanah Melayu. Sekarang kita mesti pandang ke depan. Memakmurkan kemerdekaan yang dikecapi. Mempertahankan kemerdekaan negara mengikut acuan kita bersandarkan tatasusila dan adab sopan serta berlandaskan agama yang suci dan murni disamping memajukan ekonomi dan menaikkan taraf hidup rakyat. Sepatutnya kita menumpukan perhatian kepada sejarah yang lebih

